

الهُدَى



Al-Huda

Bil. 161 OGOS 2025M/1447H



Ikhtilath:

Jaga Pergaulan

Lelaki dan Perempuan

- 9 Menjaga Adab, Etika dan Tingkah Laku Dalam Pergaulan
- 1 3 Batasan Pergaulan Dalam Al-Qur'an
- 2 6 Jaga Ikhtilath Dengan Rakan Sekerja
- 3 5 Ikhtilath Dalam Islam
- 4 2 Akhlak Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam Pergaulan
- 4 4 Ikhtilath

Batas Pergaulan Dalam Islam

- **Menjaga Pandangan:** Menundukkan pandangan dan menghindari melihat aurat lawan jenis.
- **Menjaga Kehormatan:** Menjauhi perbuatan zina dan menjaga kemaluan dari perbuatan yang tidak baik.
- **Menjaga Aurat:** Lelaki dan perempuan wajib menutup aurat sesuai dengan syariat Islam.
- **Menjauhi Khalwat:** Hindari berdua-duaan di tempat sepi dengan lawan jenis yang bukan mahram.
- **Menjaga Adab:** Berbicara dan berinteraksi dengan adab yang baik, menghindari percakapan yang tidak pantas, dan tidak saling menyentuh.
- **Menjauhi Perbuatan Syubhat:** Hindari segala sesuatu yang dapat menimbulkan keraguan atau kecurigaan.



Menu Ilmu

1 TINTA PENGARANG

2 PETIKAN TITAH

3 IRSYAD HUKUM
Memelihara Adab
Ketika Berada dalam
Majlis-Majlis
Al-Qur'an

9 KHUTBAH JUMAAT
Menjaga Adab, Etika
dan Tingkah Laku dalam
Pergaulan.

13 TAFSIR HUKUM
Batasan Pergaulan
Dalam Al-Qur'an

20 KISAH KAUM
TERDAHULU
Azab Kaum Madyan

26 MUTIARA HADITS
Jaga *Ikhtilath* dengan
Rakan Sekerja

29 MAQASHID SYARI'AH
Memelihara Kesucian
Agama Islam dalam
Konteks di Negara Brunei
Darussalam.

35 FIAH
Ikhtilath Dalam Islam

40 BICARA MUSLIMAH
Wanita Perlu Menjaga
Maruah Diri

42 KENALI RASUL
Akhlaq Rasulullah
*Shallallahu 'Alaihi
Wa Sallam* dalam
Pergaulan.

44 FOKUS
Ikhtilath

51 CERPEN
Islam Agamaku

69 PUISI
Meneladani Rasulullah
dalam Memelihara
Kesucian Islam

Penjagaan Ikhtilath

- Tundukkan (jaga) pandangan.
- Sentiasa menjaga adab.
- Berwaspada agar tidak berdua-duaan tanpa mahram.
- Tutup aurat mengikut syara'.
- Jauhi perkara yang boleh merangsang syahwat.
- Bertemu hanya atas urusan penting/ kerja dan tidak berlebih-lebihan.

Tinta Pengarang

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالصَّلَاةُ
وَالصَّلَاةُ وَالصَّلَاةُ . سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . وَبَعْدُ

Etika Pergaulan Lelaki Dan Perempuan Menurut Islam

Islam adalah agama yang sarat dengan nilai-nilai kemuliaan, memandang pergaulan dengan lawan jenis sebagai sebuah fitrah manusia. Namun, demi menjaga kemuliaan dan martabat manusia, Islam telah menetapkan panduan dan adab tersendiri dalam bergaul dengan lawan jenis. Panduan ini bukan dimaksudkan untuk membatasi atau melarang pergaulan, melainkan untuk menumbuhkan interaksi yang harmonis, saling menghormati, dan terhindar dari fitnah.

Islam menetapkan batas-batas yang harus dijaga bagi mereka yang berlawanan jantina. Batasan ini memastikan mereka tidak bebas bergaul. Lelaki muslim dan perempuan muslimah wajar menjaga *ikhtilath* termasuk ketika di tempat kerja. Di dalam Islam, terdapat beberapa adab yang harus ditekankan. Antaranya ialah menundukkan pandangan, menutup aurat, tidak berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan, tidak melunakkan percakapan dan tidak bersentuhan.

Inilah antara intipati yang akan dikupas dalam kandungan Majalah Al-Huda pada keluarannya kali ini. Semoga dengan penjelasan dan kupasan mengenai *ikhtilath* ini akan dapat memberikan kefahaman kepada semua pembaca di samping dapat menambah wadah ilmu pengetahuan yang sangat berguna dan bermanfaat.

Sekian, wassalam.



REDAKSI

PENASIHAT

Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
Pengarah

PENOLONG PENASIHAT

Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd.
Rahman
Penolong Pengarah

KETUA PENERBIT

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG KETUA PENERBIT

Qairunnisa binti Haji Jalil

PENYELARAS

Azizah binti Hidup

PEMBANTU PENYELARAS

Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Md. Zeliha bin Ahad

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Suriati binti Haji Ali Hussin

Haji Muhammad Aminuddin bin Haji
Jamaluddin

REKA BENTUK & ATURHURUF

Dahlan bin Chuchu

PENULIS JAWI (JUDUL)

Pg. Yusdi bin Pg. Rumbli

PENYEMAK AYAT AL-QUR'AN & HADITS

Ramlee bin Haji Kassim

PEMASARAN

Zaerah binti Haji Mus

Hajah Margawati binti Hj. Abd. Rahman

Adi Shahrul bin Mazziz

Nurul Nabilah binti Masri

PENCETAK

EZY Printing Services & Trading Co.

TERBITAN

Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam, BB4310.



Petikan Titah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Akal adalah kurnia terbesar Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ia sangat penting untuk kelangsungan hidup. Sebab itu agama Islam telah menyediakan panduan bagaimana memelihara akal supaya tetap sihat, jangan terganggu atau terjejas, iaitu antaranya telah mengharamkan segala benda yang memabukkan yang boleh merosakkan akal, seperti meminum arak, menyalahgunakan dadah dan sebagainya.



PETIKAN TITAH
SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM
BAGI TAHUN 1446H / 2024M



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja
Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz
Haji Awang Abdul Aziz Juned
Mufti Kerajaan Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Irsyad
Hukum²⁰²⁰



Memelihara Adab

Ketika Berada dalam Majlis-majlis Al-Qur'an

AL-QUR'AN adalah semulia-mulia kitab yang ada di muka bumi. mengandungi kalam Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang wajib dihormati, dimuliakan dan tidak direndah-rendahkan atau didedahkan kepada sebarang unsur penghinaan dan pencemaran. Ini adalah ijmak para ulama.

Ketika membaca atau mendengar bacaan al-Qur'an, contohnya dalam majlis-majlis al-Qur'an seperti kelas tilawah al-Qur'an, majlis tadarus, majlis Khatam al-Qur'an atau dalam mana-mana majlis dan acara yang dalamnya dibacakan ayat-ayat suci al-Qur'an, mungkin terdapat sebahagian orang ramai yang terlepas pandang atau kurang peka akan adab-adab tertentu yang perlu dipelihara sebagai antara cara menghormati al-Qur'an.

Perkara ini disentuh oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *at-Tibyan Fi Adab Hamalat Al-Qur'an*. Dalam kitab berkenaan, beliau menyebutkan beberapa perbuatan

yang perlu dielakkan atas dasar menjaga adab dalam menghormati al-Qur'an, yang mungkin diambil ringan oleh mereka yang menghadiri majlis-majlis al-Qur'an, atau mereka terlepas pandang mengenainya.

Perbuatan-perbuatan yang dielakkan itu adalah seperti berikut:

- (i) **Bercakap-cakap mengenai perkara yang tidak perlu.**

Ini termasuk ketawa, bergurau senda atau berbual-bual tentang perkara yang tidak ada darurat atau keperluan ketika al-Qur'an dibacakan. Apatah lagi memperkatakan sesuatu yang haram dan terlarang seperti

mengumpat dan sebagainya. Ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah al-A'raaf, ayat 204:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Mafhumnya

Dan apabila al-Qur'an itu dibacakan, maka dengarkanlah ia (dengan teliti) serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat.

Ayat di atas dengan jelas memerintahkan supaya apabila bacaan al-Qur'an diperdengarkan, seseorang itu hendaklah melakukan dua perkara; iaitu diam dan mendengarkannya. Jika seseorang itu melaksanakan dua perkara ini, maka dia akan beroleh rahmat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana mentaati perintah-Nya dan mengambil iktibar atas segala pengajaran serta petunjuk daripada-Nya.

(ii) Melakukan perbuatan yang sia-sia.

Satu lagi perkara yang wajar dielakkan ketika ayat-ayat al-Qur'an dibacakan ialah melakukan perbuatan yang sia-sia seperti bermain-main dengan tangan dan sebagainya.

Jika dikaitkan dengan situasi masa kini, perbuatan seperti

menggunakan telefon bimbit bagi keperluan yang tidak ada kepentingan dan keperluannya ketika al-Qur'an dibacakan, seperti mengakses media sosial, melayari internet, bermain *game* dan sebagainya juga boleh termasuk dalam kategori melakukan perbuatan yang sia-sia.

Perbuatan seumpama ini jelas bertentangan dengan adab terhadap al-Qur'an. Ini tidak seharusnya dilakukan oleh seseorang yang sedang berta'amul (berinteraksi) dengan kalam Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Orang yang sedang berta'amul dengan kalam Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, sesungguhnya dia sedang bermunajat dengan pemilik kalam itu sendiri, iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Kita ambil contoh ketika berhadapan dengan seseorang yang dimuliakan dan dihormati. Pasti kita berusaha untuk memelihara perlakuan di hadapan orang berkenaan atas dasar adab dan hormat. Maka apatah lagi ketika sedang bermunajat di hadapan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

(iii) Melihat sesuatu yang melalaikan, mengganggu atau mengalihkan fikiran.

Seseorang yang sedang mendengar kalam Allah *Subhanahu wa Ta'ala*,

dituntut untuk menahan pandangan daripada melihat sesuatu yang melalaikan, mengganggu atau mengalihkan fikiran. Bahkan hendaklah dia menumpukan sepenuh perhatian dan tadabbur kepada ayat-ayat al-Qur'an yang dibacakan. Al-Qur'an bukan perkataan atau percakapan biasa, ia adalah kalam Tuhan Semesta Alam.

Lebih buruk lagi keadaannya dalam hal ini ialah melihat sesuatu yang haram dan tidak diharuskan. Sebagai contoh, lelaki memandang kepada perempuan atau sebaliknya tanpa apa-apa hajat dan keperluan. Perkara ini diharamkan walaupun tanpa syahwat dan walaupun tidak dikhuatiri fitnah.

Adapun pandangan yang diiringi syahwat pula, maka ia adalah haram sama sekali, walaupun antara sesama jenis iaitu lelaki memandang lelaki atau perempuan memandang perempuan. Apatah lagi antara lawan jenis, iaitu lelaki memandang perempuan atau perempuan memandang lelaki. Semuanya ini adalah menjadi haram secara mutlak jika dilakukan dengan diiringi syahwat.

Pandangan dengan syahwat juga haram walaupun sesama mahram dan ini tidak terkecuali walaupun sesama adik beradik atau orang tuanya sendiri. Perkara ini ada

disebutkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam at-Tibyan.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan hamba-Nya supaya sentiasa memelihara pandangan. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nuur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ
وَيَحْفَظُوا أَرْوَاحَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنْ أَلَّفَ
خَيْرٌ إِمَّا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Yang demikian itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Teliti Terhadap apa yang kamu perbuat.

Dalam perkara haram memandang dengan syahwat ini, pengecualian hanya diberikan untuk pandangan sesama suami isteri sahaja. Walaupun demikian, sekiranya tidak ada apa-apa hajat dan keperluan, adalah lebih baik menahan pandangan sepanjang masa ketika ayat-ayat al-Qur'an dibacakan walaupun sesama suami isteri supaya sama-sama dapat

menumpukan sepenuh perhatian dan tadabbur kepada ayat-ayat yang dibacakan.

Tiga perbuatan yang disebutkan di atas ini adalah beberapa perbuatan yang disenaraikan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* sebagai perbuatan yang perlu dielakkan dalam majlis-majlis al-Qur'an. Sebagai tambahan kepada tiga perkara berkenaan, perlu juga diambil perhatian di sini untuk sentiasa berwaspada sepanjang majlis al-Qur'an itu daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang tanpa disedari boleh menghinakan atau merendahkan kemuliaan al-Qur'an.

Antara kesilapan yang boleh berlaku dalam majlis-majlis al-Qur'an ialah mengunjurkan kaki ke arah mushaf. Ini boleh berlaku tanpa disedari umpamanya oleh orang yang merasa kebas akibat duduk yang lama sedangkan di hadapannya terdapat mushaf al-Qur'an. Kesilapan seperti ini dinilai sebagai haram oleh sebahagian ulama Mazhab asy-Syafi'ie. Dalam kitab *Tuhfah al-Habib* ada disebutkan:

وَيَحْرُمُ مَدُّ الرَّجْلِ إِلَى جِهَةِ الْمُصْحَفِ

Maksudnya:

Dan diharamkan mengunjurkan kaki ke arah mashaf.

Menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* pula, mengunjurkan kaki ke arah mushaf tidaklah sampai

ke peringkat haram jika tidak diniatkan perbuatan tersebut untuk menghinakan atau merendahkan kemuliaannya.

Walau bagaimanapun, sebagai menjaga adab dan bersungguh-sungguh dalam memelihara kehormatan kitab suci al-Qur'an, seeloknya perbuatan sedemikian dielakkan pada setiap masa dan keadaan.

Selain itu, ada didapati perbuatan segelintir orang yang meletakkan al-Qur'an di atas lantai. Perbuatan ini juga dilarang dalam Islam sehingga terdapat sebahagian ulama yang menilainya sebagai haram sepertimana yang disebutkan dalam kitab *Tuhfah al-Habib*:

وَيَحْرُمُ وَضْعُ الْمُصْحَفِ عَلَى الْأَرْضِ، بَلْ لَا بُدَّ مِنْ رَفْعِهِ غُرْفًا وَلَوْ قَلِيلًا.


Maksudnya:

Dan diharamkan meletakkan mashaf di atas lantai. Bahkan hendaklah meletakkannya di tempat yang tinggi menurut 'uruf, walaupun (tingginya) hanya sedikit.

Adapun Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* pula berpendapat dalam *al-Fatawa al-Haditsiah* bahawa meletakkan al-Qur'an di atas lantai hukumnya lebih cenderung ke arah makruh. Jika terpaksa meletakkannya di atas lantai kerana suatu darurat, maka hendaklah meletakkan al-Qur'an itu

pada suatu lapik atau alas yang bersih sebagai menjaga adab. Sekiranya tidak ada apa-apa darurat yang memaksa untuk diletakkan al-Qur'an itu di atas lantai, maka perbuatan tersebut semestinya dielakkan.

Demikian beberapa perbuatan yang dinilai tidak menghormati al-Qur'an ketika membaca atau mendengarnya dalam majlis-majlis al-Qur'an. Oleh itu, sebagai umat Islam adalah wajib hukumnya memelihara kesucian dan kehormatan al-Qur'an kerana ia adalah kalam Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang akan memberi jaminan kebajikan dan syafa'at kepada siapa yang memelihara dan membacanya. 



jagalah adab ketika mendengar bacaan al-Qur'an


Etika Pergaulan Lelaki dan Perempuan Menurut Islam

Menundukkan Pandangan

Allah memerintahkan kaum lelaki dan kaum perempuan merendahkan pandangannya sebagaimana terjemahan makna ayat surah an-Nuur ayat 30 dan sebahagian ayat 31:

“Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Yang demikian itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu perbuat. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram).”





Khutbah Jumaat

Masjid Ash-Shaliheen

Menjaga Adab, Etika dan Tingkah Laku Dalam Pergaulan

Muslimin yang dirahmati Allah,

Menjaga adab, etika dan tingkah laku dalam pergaulan adalah merupakan salah satu dari cabang ketinggian akhlak dan keperibadian seseorang. Sesungguhnya menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah amat penting dan sangat dianjurkan dalam agama Islam bagi menjaga hubungan baik dalam kalangan masyarakat. Imam at-Tirmidzi dalam kitab Jami'nya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Sebaik-baik orang mu'min itu adalah yang paling baik akhlaknya."

Kerana itu, agar kita telah memberikan panduan dalam menjaga ikatan persaudaraan iaitu dengan sentiasa menjaga lisan dan tingkah laku, ini termasuklah berkata yang baik dan sopan, tidak mengeluarkan kata-kata yang keji dan kesat, tidak berlebihan dalam gurau senda dan seumpamanya. Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala*



berkata bahawa gurauan yang ditegah itu ialah gurauan yang melampaui batas dan sering dilakukan sehingga melalaikan diri daripada mengingat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Justeru, walaupun bergurau senda itu diperbolehkan dalam syara', namun ada batas atau syarat-syarat tertentu yang mesti dijaga supaya tidak mengganggu atau menyakiti orang lain sama ada dari segi tutur kata mahupun tingkah laku. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari *Radhiallahu 'anhu* dia berkata: *Wahai Rasulullah, orang Islam yang bagaimanakah yang paling utama? Baginda menjawab: Orang yang kaum*

muslimin selamat dari (kejahatan) lidah dan tangannya.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa menjaga lisan dan mengelakkan diri kita daripada melakukan perkara yang boleh merosakkan hubungan baik kita sesama keluarga, sahabat, jiran tetangga, rakan sekerja dan seumpamanya. Perlu diketahui, bahawa berkata sesuatu yang kurang sopan, kotor, tidak senonoh termasuk berbaur seksual sama ada dalam perbualan ataupun gurau senda sehingga menyebabkan seseorang sama ada lelaki mahupun wanita itu berasa kurang selesa, tersinggung dan



terhina adalah dikira sebagai perbuatan gangguan seksual secara lisan.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam hadits baginda menyatakan bahawa orang yang beriman sudah setentunya tidak akan berkata sesuatu yang tidak baik seperti mencela, melaknat dan berkata kotor. Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* ia berkata: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya: *Seorang mukmin itu bukanlah orang yang suka mencela, suka melaknat, suka berperilaku keji dan suka berkata kasar.*

Selain itu, antara perilaku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual itu ialah:

- 1) Gangguan seksual secara fizikal seperti menyentuh, menepuk, mencubit, memegang, mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga timbul perasaan kurang selesa dan seumpamanya.
- 2) Gangguan seksual secara isyarat seperti melalui jelingan, renungan, pandangan, isyarat tangan atau menggunakan bahasa isyarat.
- 3) Gangguan seksual secara visual seperti tulisan, imej, video dan bahan bacaan yang kurang sopan dan tidak senonoh termasuklah pengirisan melalui media sosial dan seumpamanya.

- 4) Gangguan seksual secara psikologi seperti mendesak atau merayu secara berulang kali bagi memenuhi kehendak orang tersebut.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Gangguan seksual adalah perbuatan yang tidak bermoral dan ia boleh berlaku di mana saja sama ada di tempat awam, kediaman, di sekolah dan juga di tempat kerja. Gangguan seksual adalah perbuatan yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada mangsa seperti berasa tertekan dan tidak selamat tanpa mengira jantina mangsa sama ada lelaki ataupun perempuan.

Perlu diingat, bahawa perbuatan gangguan seksual itu boleh dikenakan tindakan undang-undang. Justeru, jika kita mengetahui adanya perbuatan salah dan munkar dilakukan, maka kita sebagai orang Islam adalah dituntut untuk mencegah kemungkaran tersebut. Itu bertepatan dengan konsep *Amar Ma'ruf Nahi Munkar* sebagai wasilah atau cara bagi mencegah dari berlakunya perlakuan seksual yang membawa impak buruk dan kemudharatan kepada mangsa sehingga melibatkan nyawa. Perkara ini sudah pasti melanggar prinsip Maqashid Syari'ah, terutama dalam menjaga jiwa dan maruah. Disebabkan itu, agama kita dengan tegas melarang sebarang salah laku seksual kerana ia berkait dengan jiwa, maruah dan kehormatan seseorang.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengajar kita untuk menjadi seorang hamba yang sentiasa taat kepada perintahnya, saling menghormati sesama insan dan berkasih sayang antara satu sama lain. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama menjaga adab, etika dan tingkah laku agar ukhwa dan mahabbah sesama kita itu tetap kuat dan kukuh untuk selama-lamanya. Mudah-mudahan dengan demikian kita dapat membina keamanan, kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara. *Amiin Ya Rabbal 'Alamiin.*

Surah al-Hujuraat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ
وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maafhumnya:

"Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." 





Tafsir Hukum



Batasan Pergaulan Menurut Al-Qur'an

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah an-Nuur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Yang demikian itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu perbuat.

Batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan amat dititik beratkan oleh agama Islam. Pergaulan ataupun percampuran antara lelaki dan perempuan selayaknya dipandang sebagai sesuatu yang memberi kesan kepada keruntuhan moral ummah. Istilah kawan, adik, kakak dan abang angkat yang mendakwa sebagai rakan sembang di alam maya atau apa jua istilah yang sering digunakan jawapan sebagai

merujuk kepada hubungan sosial yang segelintirnya boleh menjurus kepada kemungkaran.

Islam tidak melarang pergaulan antara lelaki dan perempuan asalkan mengikut landasan dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh hukum syara'. Malah ia menggalakkan pergaulan yang sihat dan menghasilkan manfaat kepada mereka. Dalam Islam, pergaulan yang sihat mengambil kira batas-batas mahram dan juga jenis aktiviti yang dijalankan.

Pergaulan itu ada dua jenis iaitu pergaulan sesama jenis dan pergaulan yang berlainan jenis. Jenis yang kedua itu yang sering menimbulkan masalah. Islam mengharuskan penyertaan satu aktiviti yang berlainan jantina atas asas menuntut ilmu pengetahuan dan melakukan yang berfaedah dengan menjaga adab-adab pergaulan yang tidak bertentangan dengan syari'ah.

Batasan pergaulan menurut al-Qur'an bertujuan untuk menjaga kesucian dan menghindari perbuatan keji, seperti

Jagalah pergaulan antara lelaki dan perempuan

zina. Islam mengatur pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dengan aturan tertentu.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah an-Nuur ayat 31:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ
وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ
إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى
جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا
لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانَهُنَّ أَوْ إِخْوَانِ
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ نِسَاءً يَسَاءَ يَهُنَّ أَوْ مَا
مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ
أُولَى الْأَرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ
الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَتِ
النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ
مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ
جَمِيعًا إِنَّهُ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

﴿٣١﴾

Mafhumnya:

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang

haram). Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua-dua telapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka. Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau adik-beradik mereka atau anak adik-beradik mereka yang lelaki, atau anak adik-beradik mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki atau pembantu-pembantu lelaki yang sudah tua yang tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki supaya diketahui orang perhiasan mereka yang tersembunyi. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman, mudah-mudahan kamu beroleh kemenangan.

Islam telah meletakkan peraturan bahawa antara lelaki dan perempuan mesti mengawal pandangan dan tidak bebas bergaul antara keduanya. Sedangkan pandangan mata sahaja pun Islam sudah tetapkan batasan, inikan pula lebih dari itu seperti berbual-bual, bermesra, keluar bersama-sama, berpegang-pegangan tangan, malahan Islam tidak pernah merestui hubungan lelaki dan perempuan yang bukan

mahram dan belum berkahwin dengan tanpa batasan. Kesimpulannya, ia hanya akan meletakkan diri seseorang itu dalam keadaan bermaksiat serta boleh menjerumuskan diri ke dalam perzinaan.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Israa' ayat 32:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْفَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk.

Menangani masalah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan merupakan perkara yang sewajarnya diberi perhatian secara serius. Cara bergaul itu sebenarnya, adalah lambang ketinggian syakhsiah. Walau di mana sekalipun seseorang itu berada, syakhsiahnya ibarat ikan di dalam lautan, meskipun air laut itu masin, tetapi daging ikan itu tetap tawar. Dalam suasana apa pun seseorang itu berada, dia tetap memiliki prinsip dan pegangan agar pergaulan berlaku dengan sihat, terhindar daripada fitnah dan sekali gus dihormati oleh orang lain.

Beberapa batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram yang dilarang oleh agama Islam itu antaranya:

- **Dilarang Berdua-duaan dengan yang Bukan Mahram (Khalwat)**

Lelaki tidak boleh berdua-duaan dengan perempuan yang bukan mahramnya, kecuali ada mahramnya.

- **Tidak Menyentuh dan Melakukan Kontak Fizikal**

Laki-laki dan perempuan yang bukan muhrim tidak boleh bersentuhan secara fizikal.

- **Menundukkan Pandangan**

Menjaga pandangan agar tidak menimbulkan fitnah atau perbuatan yang tidak sopan.

- **Menjaga Bicara**

Tidak berbicara dengan nada yang menggoda atau melemahkan, dan menghindari perkataan yang boleh menimbulkan fitnah.

- **Tidak Memperlihatkan Aurat**

Perempuan diwajibkan menutup auratnya, dan tidak menampilkan perhiasannya kecuali yang biasa terlihat, serta tidak menampilkan auratnya kepada yang bukan mahramnya.

- **Menjaga Perilaku**

Hindari perilaku yang boleh menimbulkan fitnah atau perbuatan yang tidak bermoral.

- **Menjaga Pergaulan**

Pergaulan harus dilakukan dengan sopan, santun dan sesuai dengan ajaran Islam.

- **Menghindari Ikhtilath**

Tidak diperbolehkan bercampur gaul antara lelaki dan perempuan dalam satu tempat, terutama tempat yang sunyi dan sepi.

- **Menjaga Persaudaraan**

Al-Qur'an menekankan pentingnya persaudaraan dan menghindarkan sikap menghina, berprasangka buruk, mencari kesalahan, dan *ghibah* (membicarakan keburukan atau kekurangan orang lain).

Tujuan batasan pergaulan demi menjaga kesucian dan kehormatan. Batasan pergaulan bertujuan untuk menjaga kehormatan diri dan orang lain, serta mencegah perbuatan yang tidak bermoral. Ia juga bagi mencegah terjadinya perzinaan dan perbuatan maksiat lainnya. Membentuk akhlak yang baik dengan pergaulan yang sesuai dengan syari'at Islam akan membentuk akhlak yang baik dan terpuji.

Usaha perlu dilakukan agar masyarakat kita kembali menghayati dan mempraktikkan akhlak yang mulia dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sesungguhnya yang wajib pada demikian itu ialah bersama-sama dalam

kebaikan, saling bantu membantu di atas kebajikan dan taqwa dalam lingkungan batasan yang telah digariskan oleh prinsip Islam.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Maa'idah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى
الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maafumnya:

...Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu wa Ta'ala). Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya.

Umat Islam hendaklah mematuhi hukum dan batas-batas pergaulan berpandukan al-Qur'an dan as-Sunnah dan umat Islam hendaklah menjauhi pergaulan bebas yang diharamkan dalam Islam. Mendidik anak-anak dengan ilmu-ilmu agama yang sempurna supaya mereka dapat mematuhi batas-batas syara' dalam aspek pergaulan. Setiap individu muslim wajib mencegah kemungkaran sama ada dengan tangan (kuasa yang dimiliki) ataupun sekiranya tidak mampu, cegahlah dengan lidah dan sekiranya tidak mampu juga,

hendaklah cegah dengan hati. Masyarakat setempat perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam mencegah dan melaporkan perkara-perkara yang tidak bermoral.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah at-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ
إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Mafhumnya:

Dan orang-orang mu'min, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripada mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar, dan mereka mendirikan sembahyang, dan membayar zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dikurniakan rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. 

Dilarang berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan di tempat sepi dan sunyi

Etika Pergaulan Lelaki dan Perempuan Menurut Islam

Menutup Aurat

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk tidak menampakkan auratnya kepada yang bukan mahramnya sebagaimana terjemahan makna ayat dalam surah an-Nuur ayat 31:

"... Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua-dua telapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka..."



Kisah Kaum Terdahulu

Kehancuran Umat Nabi Hud 'Alaihissalam

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengutus Nabi Hud 'alaihissalam kepada kaum 'Ad yang menghuni daerah al-Ahqaf di sekitar Hadhramaut, Yaman. Kaum 'Ad adalah satu kaum yang dikurniakan dengan kelebihan dalam hal kekuatan, berkaliber dan kekuasaan, namun mereka berbuat syirik, melakukan kezaliman dan menjajah hamba-hamba Allah. Kaum 'Ad berkata seperti dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* surah Fushshilat ayat 15:

...مَنْ أَشَدُّ مَقَافَةً...

Ma'fhumnya:

...Siapakah yang lebih kuat daripada kami?...



benar berada dalam kebodohan dan sesungguhnya kami menganggapmu daripada orang-orang yang berdusta. Nabi Hud berkata: “Wahai kaumku! Tidak ada padaku kebodohan sedikit pun tetapi aku ialah seorang rasul daripada Tuhan, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam. Aku (bertugas) menyampaikan kepada kamu perintah-perintah Tuhanku dan aku ialah pemberi nasihat yang amanah bagi kamu. Adakah kamu berasa ragu-ragu dan hairan tentang datangnya kepada kamu nasihat pengajaran daripada Tuhan kamu melalui seorang laki-laki daripada kalangan kamu sendiri untuk memberi peringatan kepada kamu? Dan ingatlah ketika Allah menjadikan kamu sebagai khalifah-khalifah (yang berkuasa) sesudah kaum Nabi Nuh dan Dia telah mengurniakan kelebihan pada kejadian kamu dengan bentuk tubuh badan yang

besar, tinggi dan kuat, maka ingatlah ni'mat-ni'mat Allah itu supaya kamu beroleh kemenangan (memperolehi redha dan syurga-Nya). Mereka berkata: “Adakah kedatanganmu kepada kami (bertujuan) supaya kami hanya menyembah Allah sahaja dan meninggalkan apa yang telah disembah oleh bapa-bapa (dan datuk nenek) kami? Maka datangkanlah azab yang engkau janjikan kepada kami jika betul engkau termasuk daripada orang-orang yang benar.” Nabi Hud berkata: “Sudah pasti kamu akan ditimpa azab dan kemurkaan daripada Tuhan kamu. Apakah kamu hendak berbantah-bantahan denganku mengenai nama-nama (berhala) yang kamu dan bapa-bapa (serta datuk nenek) kamu menamakannya padahal Allah tidak menurunkan bukti sedikit pun mengenai kebenarannya? Maka tunggulah (kedatangan azab itu),



sesungguhnya aku bersama kamu termasuk orang yang menunggu.

Bahkan mereka mencabar agar didatangkan azab Allah sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah surah al-Ahqaaf ayat 22 :

قَالُوا اجِئْنَا لَتَفْكُنَا عَنْ آلِهَتِنَا فَإِنَّا بِمَا تَعِدُنَا
إِن كُنْتَ مِنَ الصّٰدِقِيْنَ ﴿٢٢﴾

Mafhumnya:

Mereka berkata: "Adakah engkau datang kepada kami untuk memalingkan kami daripada menyembah tuhan-tuhan kami? Maka datangkanlah azab Allah yang engkau janjikan kepada kami jika betul engkau termasuk orang-orang yang benar."

Setelah itu Allah mendatangkan azab yang membentang di ufuk pada ketika mereka sangat memerlukan hujan.

Datanglah awan yang mereka anggap sebagai tanda datangnya ni'mat hujan yang mereka nantikan, namun ternyata itu adalah azab yang didatangkan oleh Allah kepada mereka. Allah berfirman dalam surah al-Ahqaaf ayat 24-25:

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُّسْتَقْبِلَ أَوْدِيَّتِهِمْ قَالُوا هَذَا
عَارِضٌ مُّمْطَرُنَا بَلْ هُوَ مَا اسْتَعْجَلْتُمْ بِهِ رِيحٌ
فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾ تَدْمِرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ
رَبِّهَا فَاصْبِرُوا لَا يَرَى إِلَّا مَسْكَنَهُمْ كَذَلِكَ
يُجْزَى الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٥﴾

Mafhumnya:

Maka apabila mereka melihat azab itu berupa awan yang menghala ke lembah-lembah mereka, mereka berkata: "Inilah awan yang akan membawa hujan kepada kita." Nabi Hud berkata: "Bukan bahkan itulah (azab) yang kamu



minta segerakan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab yang pedih. Yang memusnahkan segala-galanya dengan perintah Tuhannya.” Maka mereka pun musnah hingga tidak ada yang kelihatan melainkan (kesan-kesan) tempat tinggal mereka. Demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa.

Allah menjelaskan keadaan mereka seperti dalam surah al-Haaqqah ayat 6 hingga 8:

وَأَمَّا عَادُ فَاهْتَكَمُوا بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ۖ
سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَنِيَةَ أَيَّامٍ
حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا صَرْعَى كَأَنَّهُمْ
أَجْمَازٌ نَخَلٍ خَاوِيَةٍ ۖ فَهَلْ تَرَى لَهُمْ مِّنْ
بَاقِيَةٍ ۝

Mafhumnya:

Dan adapun kaum ‘Ad (pula), mereka telah dibinasakan dengan angin sejuk yang bergemuruh lagi kencang. Allah menimpakan angin itu kepada mereka selama tujuh malam lapan hari terus menerus, (kalaulah engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah mereka batang pohon kurma yang lapuk. Maka adakah engkau melihat sisa-sisa mereka (yang masih hidup)?

Kaum Nabi Hud ‘alaihis-salam dihancurkan Allah dengan angin yang sangat kencang dan dingin selama tujuh malam lapan hari, disebabkan kekufuran dan kemaksiatan mereka terhadap Allah dan Rasul-Nya. 

Etika Pergaulan Lelaki dan Perempuan Menurut Islam

Tidak Berdua-duaan di antara Lelaki dan Perempuan

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya:

"Janganlah seorang lelaki berdua-duaan (khalwat) dengan wanita kecuali bersama mahramnya."

Manakala Imam at-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Jabir bin Samurah, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya:

"Janganlah salah seorang dari kalian berdua-duaan dengan seorang wanita, kerana syaitan akan menjadi yang ketiganya."





Mutiara Hadits



JAGA *Ikhtilath* Dengan Rakan Sekerja

Dalam memelihara batas pergaulan antara lelaki dan perempuan (*ikhtilath*), Islam meletakkan beberapa asas sebagai panduan bagi memelihara umatnya dari terjebak dengan fitnah yang membinasakan. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* sering mengingatkan para sahabat agar menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ummu Salamah *Radhiallahu 'anha* dia berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَلَّمَ قَامَ النِّسَاءُ حِينَ يَنْقُضُ تَسْلِيمَهُ وَمَكَثَ
يَسِيرًا قَبْلَ أَنْ يَقُومَ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ فَأَرَى وَاللَّهِ أَعْلَمَ أَنَّ مُكْثَهُ لِكَيِّ يَنْقُذَ النِّسَاءَ قَبْلَ
أَنْ يُدْرِكَهُنَّ مَنْ انْصَرَفَ مِنَ الْقَوْمِ

Maksudnya:

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* akan duduk seketika setelah memberikan salam setelah selesai sembahyang. Para wanita akan bangun setelah Baginda

Shallallahu 'alaihi wa sallam memberi salam. Menurut Ibn Syihab, tindakan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam ini adalah untuk memberikan laluan bagi wanita keluar dahulu dan mengelakkan perselisihan (percampuran, pertembungan) antara lelaki dan wanita (setelah selesai sembahyang).

Oleh itu, kita perlu menjaga *ikhtilat* sama ada di tempat belajar, bekerja dan di mana jua kita berada. Berurusan dengan berlainan jantina jika perlu atas sebab tugas dan bekerja itu harus tapi masih ada batas-batasnya.

1. Tundukkan pandangan mata daripada melihat lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
2. Sentiasa menjaga adab, terutama ketika berinteraksi dengan kaum berlainan jantina yang bukan mahram.
3. Sentiasa berwaspada tidak berduaduaan antara lelaki dan perempuan bukan mahram terutamanya di tempat yang sunyi.
4. Menutup aurat dengan sempurna ketika berhadapan dengan berlainan jantina.
5. Menjauhkan perkara-perkara yang boleh merangsang syahwat seperti wangi-wangian atau warna yang menarik perhatian.

6. Jika bertemu hanya untuk urusan kerja dan hal mustahak sahaja tanpa berlebih-lebihan (bertemu di tempat umum dan mempunyai teman yang sama jantina).

7. Golongan perempuan tidak boleh menggunakan suara yang lunak dan manja ketika berkomunikasi dengan lelaki asing serta tidak menunjukkan reaksi dan lenggok badan yang boleh menimbulkan syahwat.

8. Tidak bersentuhan antara lelaki dan perempuan.

Oleh itu, tidak kira sama ada seseorang itu sudah berkahwin atau bujang, batasan pergaulan di tempat kerja hendaklah dijaga. Hubungan pergaulan antara lelaki dan wanita yang tidak terkawal di tempat kerja berupaya menimbulkan fitnah yang mengundang kepada zina. Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* katanya Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزَّيْنَةِ، وَأَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَرَزْنَا الْعَيْنَ النَّظْرَ، وَزَيْنَا اللِّسَانَ الْمَنْطِقَ، وَالْقَلْبَ تَمَنَّى وَتَشْتَهَى، وَالْفَرْجَ يُصَدِّقُ ذَلِكَ كُلَّهُ وَيُكَدِّبُهُ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya. 

Berurusan dengan berlainan jantina jika perlu atas sebab tugas dan bekerja itu harus tapi masih ada batas-batasnya.



DR. MUHAMMAD AKMAL BIN AWANG TARIF
Pemenang Pertama Kategori Rencana bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

Bahagian 2

Maqashid Syari'ah



Memelihara Kesucian Agama Islam Dalam Konteks Di Negara Brunei Darussalam

A) Hukuman Tidak Menghormati Bulan Ramadan

Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan. Bulan rahmat dan bulan pengampunan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Bulan ini juga dikurniakan dengan satu malam yang dikenali sebagai malam 'Lailatul Qadar' iaitu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Dalam titah perutusan Baginda Sultan Sempena Menyambut Bulan Ramadhan bagi tahun 1441 Hijrah bersamaan tahun 2020 Masihi di Istana Nurul Iman pada 1 Ramadan 1441 Hijrah / 24 April 2020 Masihi menyebutkan kelebihan bulan Ramadan antara lain:

"...Perlu disedari, bahawa Ramadhan cuma sekali sahaja dalam setahun. Dalam bulan ini terdapat satu malam yang dinamakan Malam Al-Qadar yang lebih baik dari seribu bulan, dalam makna, beribadat di dalamnya boleh meraih pahala lebih dari seribu bulan. Kerana itu, eloklah bagi kita semua untuk berazam merebutnya..."

Oleh kerana bulan Ramadan adalah bulan rahmat, maka sayugia hendaklah ia dipelihara daripada sebarang unsur-unsur yang boleh mencemarkan kemuliaan Ramadan. Di antara perkara yang boleh mencemarkan itu ialah seperti makan dan minum di khalayak ramai sepanjang siang hari di bulan Ramadan. Bersabit dengan perkara cemar tersebut, maka dalam bab 195 telah memperuntukkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah sepertimana berikut:

- (i) Makan, minum dan menghisap Tembakau di tempat awam.
- (ii) Menjual, menghidang makanan, minuman, tembakau untuk di makan atau diminum, dihisap dengan serta merta di tempat itu juga (di tempat awam).
- (iii) Majikan bersubahat dengan pekerja melakukan kesalahan di bawah ceraihan (2) maka jika sabit kesalahan hukuman denda sebanyak \$4,000, penjara selama setahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman ini dikenakan ke atas orang Islam dan bukan Islam.

Begitu juga orang-orang Islam sendiri supaya bersama-sama bertanggungjawab pada menjaga imej dan kesucian agama Islam. Sekiranya pun ada sesuatu hal yang membolehkan untuk berbuka puasa menurut hukum syara' seperti sakit atau musafir, maka eloklah untuk menyembunyikan diri, jangan sampai makan dan minum di khalayak ramai yang dapat menimbulkan fitnah dan menjejaskan imej umat Islam yang sedang menunaikan ibadat puasa.

Menurut Mufti Kerajaan Brunei, orang yang memberi makan dan minum kepada orang Islam yang diwajibkan ke atasnya berpuasa atau kepada orang bukan Islam pada siang hari di bulan Ramadan, hukumnya adalah haram, kerana perbuatannya itu dianggap memberi pertolongan dan bersetuju

kepada perkara maksiat. Hal ini dikuatkan lagi dengan pendapat Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*:

حُرْمَةُ إِطْعَامِ الْمُسْلِمِ لَهُ فِي نَهَارِ رَمَضَانَ
لِأَنَّهُ إِعَانَةٌ عَلَى مَعْصِيَةٍ.

Ertinya:

"Adalah haram orang Islam memberi makan kepadanya (orang bukan Islam) pada siang hari bulan Ramadhan kerana ia merupakan pertolongan kepada perkara maksiat."

B) Hukuman bagi Perbuatan Tidak Sopan di Khalayak Ramai

Dalam Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah juga turut memperuntukkan dalam bab 197 iaitu pengenaan kepada orang Islam dan bukan Islam mengenai perbuatan tidak sopan seperti berikut:

- Menjejaskan imej ugama Islam.
- Merosakkan akhlak.
- Mendatangkan pengaruh buruk.
- Mendatangkan kemarahan orang yang menyaksikan perbuatan itu, maka jika sabit kesalahan, maka dikenakan denda sebanyak \$2,000, penjara selama enam bulan atau kedua-duanya sekali.

C) Hukuman bagi Mengajar Ugama Tanpa Kebenaran Bertulis

Dalam bab 229, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah telah memperincikan mengenai hukuman mengajar ugama tanpa kebenaran bertulis.

Manakala dalam bab 229 (1) menjelaskan mana-mana orang yang mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis adalah melakukan kesalahan dan jika sabit dikenakan denda sebanyak \$8,000, penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara dalam bab 229 (2) menerangkan mengenai pengecualian dalam ceraian (1) tidak dikenakan kepada:

(a) Mana-mana:

- Ahli Majlis atau Jawatankuasa Majlis atau Setiausaha Majlis; atau
- Pegawai Mahkamah; atau
- Pegawai Ugama, Guru Ugama, Imam, Bilal, Pegawai Penguatkuasa Agama; atau
- Orang yang dilantik dengan sah untuk tujuan mengajar ugama menurut undang-undang bertulis atau aturan-aturan; atau

- Jawatan yang mungkin akan ditentukan oleh Majlis; dan

(b) Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubung dengan ugama Islam kepada ahli-ahli keluarganya di dalam kediamannya sahaja.

Menurut Mufti Kerajaan Brunei, rasional dikuatkuasakan undang-undang khusus bagi akta mengawal para penceramah atau mengajar ugama untuk diberikan sijil tauliah terlebih dahulu bertujuan untuk menolak ancaman-ancaman pelampau dan pengacau-pengacau yang mencemari aqidah dan sekali gus memperkukuh kefahaman dalam aqidah.

Penulis amat teruja dan menyokong sepenuhnya akta di atas, untuk terlebih dahulu mendapatkan sijil tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei. Ini kerana ia dapat menjamin daripada sebarang bentuk unsur-unsur yang tidak memberikan kebaikan kepada Brunei dengan fahaman yang bertentangan dengan Aqidah Ahli Sunnah wal-Jama'ah bermazhabkan Imam asy-Syafi'ie, lebih-lebih lagi jika penceramah yang didatangkan khas daripada luar negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat prihatin terhadap perkara ini dan baginda menyarankan kepada

pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya berhati-hati dalam memberikan kebenaran sama ada mengajar agama ataupun berceramah di negara ini. Di antara intisari petikan titah baginda Sempena Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada hari Rabu, 17 Ramadhan 1440H bersamaan 22 Mei 2019M:

"...Sebagai langkah mengatasi perkara seumpama ini, beta meminta kepada pihak berkenaan yang menjalankan kuasa di bawah Akta Permohonan Tauliah Kebenaran Mengajar al-Qur'an, ugama, berceramah ugama, Majlis Ugama Islam Brunei, supaya berhati-hati dalam memberikan sebarang kebenaran."

"Sepatutnya, kalau benar seseorang itu memiliki ilmu ugama yang mantap, maka sudah barang tentu dia akan lebih sensitif dengan amaran Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam yang bermaksud:

"Barang siapa yang sengaja berdusta atas nama baginda, maka siaplah tempatnya dalam neraka..."

Titah ini ditimbulkan adalah disebabkan pernah berlaku seseorang diberikan tauliah berceramah ugama (ustaz) bertindak menyampaikan ceramah berkenaan mimpi berjumpa Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam secara langsung di Rampai Pagi pada ketika itu.

Maka, baginda mengingatkan supaya pihak-pihak berkenaan agar lebih berhati-hati dalam memberikan tauliah kepada para penceramah supaya tidak berlaku lagi isu tersebut yang secara tersiratnya dapat mencemarkan kesucian berugama.

Manakala dalam titah baginda di Majlis Konvokesyen Ke-2 KUPU SB pada hari Selasa 7 Zulhijjah 1433H bersamaan 23 Oktober 2012M, baginda menekankan supaya dinilai siapa penceramah dari



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor KUPU SB ketika bertitah di Majlis Konvokesyen Ke-2 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Negara Brunei Darussalam.

luar dan isi ceramah yang hendak disampaikan, apakah relevannya kepada Brunei dan kepentingan untuk Brunei. Di antara petikan titah baginda:

"...Pada masa ini terdapat semacam kecenderungan memanggil penceramah-penceramah daripada luar. Ini juga pada asasnya adalah baik, tetapi ia akan menjadi tidak wajar apabila kita mengambil ringan tentang topik-topik ceramah dan siapa penceramahnya?"

"Kita perlu melihat dulu, apakah relevannya kepada Brunei satu-satu topik ceramah itu dan penerimaannya kelak oleh orang-orang Brunei? Jika topik dan penerimaan itu mungkin merugikan Brunei atau bertentangan dengan kepentingan Brunei, maka tidakkah di sini kita lebih baik jangan melibatkan diri dengannya? Kerana banyak lagi isu atau perkara boleh dijadikan pilihan yang sesuai..." 

Maqashid Syariah meliputi lima komponen ulama iaitu:



Menjaga Agama



Menjaga Nyawa



Memelihara Akal



Meenjaga Keluruman



Meenjaga Harta Benda



Etika Pergaulan Lelaki dan Perempuan Menurut Islam

Tidak Melunakkan Percakapan

Seorang wanita dilarang melunakkan percakapan ketika bercakap dengan lelaki bukan mahram. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman sebagaimana terjemahan makna ayat dalam surah al-Ahzaab ayat 32:

...Maka janganlah kamu berkata-kata dengan suara lembut manja (semasa bercakap dengan laki-laki asing) kerana yang demikian menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan berkatalah dengan kata-kata yang baik (lagi sopan).





FIQAH



Ikhtilath Dalam Islam

Pergaulan dalam bahasa Arab disebut *ikhtilath* berasal daripada perkataan *خَلَطَ يَخْلُطُ خَلْطًا* (*Khalatha yakhluthu khalthan*) yang bermaksud bercampur. Dari segi istilah pergaulan atau *ikhtilat* bermaksud percampuran antara lelaki dan wanita yang bukan mahram sama ada dalam bentuk kumpulan atau bersendirian. Apa-apa bentuk pergaulan antara lelaki dan wanita bukan mahram sama ada secara fizikal atau secara maya, ianya dinamakan *ikhtilath*.

Ikhtilath merupakan suatu bentuk pergaulan secara bebas yang melibatkan lelaki dan perempuan yang bukan mahram merupakan sesuatu perbuatan yang dilarang di dalam agama.

Sesungguhnya *ikhtilath* adalah jalan yang memudahkan terjadinya berbagai kemaksiatan yang boleh meruntuhkan akhlak, Antaranya ialah:

1. *Ikhtilath* yang dilarang seperti yang berlaku dalam kisah Nabi Yusuf

'*alaihissalam* dengan Zulaikha dalam surah Yuusuf ayat 23:

وَرَوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ
وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ
مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ
لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٣﴾

Mafhumnya:

Dan perempuan yang Nabi Yusuf tinggal di rumahnya itu menggoda

Nabi Yusuf untuk menundukkannya (supaya menuruti kemahuannya) dan perempuan itu pun menutup pintu-pintu lalu berkata: “Marilah ke sini, dekat kepadaku.” Nabi Yusuf menjawab: “Aku berlindung kepada Allah (daripada perbuatan keji itu), sesungguhnya majikanku telah memberiku tempat tinggal dan layanan yang baik (maka aku tidak akan mengkhianatinya), sesungguhnya orang-orang yang zalim (khianat) tidak akan beroleh kemenangan.

2. *Ikhtilath* dilarang kerana dikhawatirkan akan terjadi zina, sesuai dengan firman Allah Ta’ala dalam surah al-Israa’ ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk.

Ikhtilath ini adalah satu perbuatan yang berbahaya, kerana membawa kepada kemaksiatan yang boleh meruntuhkan akhlak, seperti terjadinya perzinaan, pembuangan bayi, anak tidak sah taraf, rogol, masalah seksual, dan sebagainya. Namun begitu *ikhtilath* dibolehkan atau diharuskan dalam beberapa keadaan di dalam Islam bahkan wajar untuk lelaki dan wanita itu berikhtilath tetapi

mestilah dengan memelihara adab-adab dan akhlak yang telah ditetapkan oleh syara’. Ini berdasarkan sebuah hadits Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abdullah Ibn Amr:

أَنَّ نَقْرًا مِنْ بَنِي هَاشِمٍ دَخَلُوا عَلَى أَسْمَاءَ بِنْتِ عُمَيْسٍ فَدَخَلَ أَبُو بَكْرٍ الصِّدِّيقُ وَهِيَ تَحْتَهُ يَوْمَئِذٍ فَرَأَاهُمْ فَكَرِهَ ذَلِكَ فَذَكَرَ ذَلِكَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ لَمْ أَرِ إِلَّا خَيْرًا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ “إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَرَّأَهَا مِنْ ذَلِكَ”. ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَقَالَ “لَا يَدْخُلَنَّ رَجُلٌ بَعْدَ يَوْمِي هَذَا عَلَى مُغِيبَةٍ إِلَّا وَمَعَهُ رَجُلٌ أَوْ اثْنَانِ.

Maksudnya:

Suatu ketika beberapa lelaki Bani Hasyim masuk ke rumah Asma’ binti ‘Umais. Tidak lama kemudian Abu Bakar ash-Shiddiq juga memasuki rumah tersebut, ketika itu Asma binti Umais telah menjadi isteri Abu Bakar. Di dalam rumah Asma, Abu Bakar melihat para lelaki Bani Hasyim tersebut dan beliau tidak menyukai perkara itu, lalu beliau menceritakan kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam, kemudian

berkata: “Saya tidak melihat apa-apa pun melainkan perkara yang baik sahaja!” Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam lalu bersabda: “Allah telah membebaskan Asma dari hal-hal buruk itu.” Kemudian Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa sallam naik mimbar dan bersabda: “Semenjak hari ini, jangan sekali-kali seorang lelaki menemui wanita yang menyendiri (saat suaminya tidak ada) kecuali dia disertai oleh satu atau dua lelaki lainnya.

Asas pergaulan yang melibatkan percampuran antara lelaki dan wanita hanya dibenarkan pada urusan darurat dan urusan keperluan bagi muamalat seharian sesama manusia iaitu, seperti:

- **Urusan Darurat**

Imam an-Nawawi menyatakan pengharaman khalwat lelaki dan wanita termasuk juga dalam bab berdua-dua menunaikan sembahyang. Namun pengecualian bagi kes-kes dalam keadaan darurat seperti terjumpa wanita ajnabi yang tersesat di jalanan, maka boleh menemaninya atas dasar keselamatan sekiranya wanita takut ditinggalkan.

- **Urusan keperluan**

Hal tersebut dibenarkan selagi tidak menimbulkan sebarang fitnah di samping menjaga batas-batas pergaulan serta garis panduan

yang telah ditetapkan syariat dan memelihara nilai-nilai adab.

Demikianlah *Ikhtilath* diperbolehkan antara lelaki dan perempuan dengan syarat-syarat tertentu, antara lain menutup aurat, menundukkan pandangan, membatasi pergaulan, dan menjaga nilai-nilai Islam. *Ikhtilath* yang diperbolehkan ialah seperti yang berlaku kepada Nabi Musa yang membantu wanita untuk mengambil air bagi minuman haiwan ternakan wanita tersebut, sesuai seperti firman Allah dalam surah al-Qashaash ayat 23 hingga 24:

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ النَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمُ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصْدِرَ الرِّعَاءُ وَأَلُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ ۝٢٣ فَسَقَى لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّى إِلَى الظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ۝٢٤

Mafhumnya:

Dan apabila dia sampai di tempat sumber air Madyan, didapatinnya ada sekumpulan orang yang sedang memberi minum (binatang ternakan) dan didapatinnya (juga) di belakang mereka ada dua orang perempuan yang sedang menahan ternakan mereka (supaya tidak bercampur dan minum bersama-sama ternakan yang lain) lalu dia bertanya:

"Apakah yang menyebabkan kamu berdua berbuat begitu?" Mereka berdua menjawab: "Kami tidak memberi minum (ternakan kami) sehinggalah penggembala-penggembala yang lain membawa pulang ternakan mereka, sedangkan bapa kami pula sangat tua." Lalu Nabi Musa pun (menolong) memberi minum ternakan mereka berdua itu kemudian dia pun kembali ke tempat yang teduh lalu berdoa: "Ya

Tuhanku! Sesungguhnya aku sangat memerlukan kebajikan kurnia-Mu (makanan)."

Kesimpulannya *Ikhtilath* adalah percampuran antara dua jantina lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Ia adalah satu perkara yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat. Namun demikian, kita perlu bijak membezakan antara "*ikhtilath yang dibenarkan*" dan "*khulwah yang diharamkan*." 

Jauhilah ikhtilath yang dilarang



Etika Pergaulan Lelaki dan Perempuan Menurut Islam

Tidak Bersentuhan

I mam ath-Thabarani dalam kitab mu'jamnya meriwayatkan daripada Ma'qil bin Yassar, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

"Sekiranya kepala salah seorang daripada kamu ditusuk dengan jarum besi, itu adalah lebih baik bagi kamu daripada kamu menyentuh wanita yang tidak halal bagi kamu."





Bicara Muslimah



Wanita Perlu Menjaga Maruah Diri

Wanita dalam Islam merupakan makhluk Allah yang memiliki banyak keistimewaan. Mereka daripada seorang anak yang akan membesar dewasa menjadi seorang isteri dan juga seorang ibu. Seorang perempuan sangat dimuliakan peranannya dalam kehidupan sehinggakan Allah menamakan satu surah dengan surah an-Nisaa' (surah perempuan-perempuan) bagi mengangkat golongan ini.

Untuk menjadi wanita shalihah bukanlah perkara yang mudah, ianya memerlukan kepada keimanan yang kuat dan kesabaran dalam menempuh liku-liku kehidupan, terutamanya bagi wanita yang bergelar isteri. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan bahawa wanita shalihah adalah wanita yang menjaga dirinya dan harta suaminya terutama ketika suaminya tidak ada bersamanya, sebagaimana firman-Nya dalam surah an-Nisaa' ayat 34:



...فَالصَّالِحَاتُ قَنِتْنَ حَفِظَتْ
لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ...

Mafhumnya:

...Maka perempuan-perempuan yang shalih itu ialah yang ta'at (kepada Allah dan suaminya) memelihara kehormatan dirinya dan menjaga hak-hak suaminya ketika suaminya tidak ada bersamanya dengan pemeliharaan Allah...

Hal ini telah disebutkan dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasa'ie dalam kitab sunannya, daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* iaitu ketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ditanya tentang siapakah wanita yang paling baik, lalu baginda bersabda:

الَّتِي تَسْرُهُ إِذَا نَظَرَ وَتُطِيعُهُ إِذَا أَمَرَ وَلَا
تُخَالِفُهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهَا بِمَا يَكْرَهُ.

Maksudnya:

laitu yang paling menyenangkan jika dilihat suaminya, mentaati suami jika diperintah, dan tidak menyelisihi suami pada diri dan hartanya dengan apa yang dibenci oleh suaminya.

Sebaik-baik wanita atau isteri itu bukanlah terletak pada kecantikannya, bukan pula pada kekayaannya dan bukan juga yang paling tinggi pendidikannya. Tetapi sebaik-baik wanita atau isteri itu ialah apabila suami merasa senang ketika memandangnya, taat dan patuh

apabila suami memerintahkannya untuk melakukan sesuatu. Selain itu juga wanita yang menjaga maruah dirinya ketika berada di depan ataupun ketika suami tidak berada bersamanya serta memelihara kehormatannya dari mata yang hendak melihat, dan dari tangan yang hendak menyentuh sehinggalah ke kaki yang hendak melangkah.

Wanita atau isteri juga dilarang menampakkan aurat dan mempertontonkan kecantikan mereka kecuali kepada suami mereka. Lebih-lebih lagi di era moden dan canggih ini banyak fesyen khusus untuk muslimah yang direka, namun ada di antara rekaannya tidak menepati kehendak Syara'.

Begitulah tingginya kedudukan wanita dalam Islam yang patut dipelihara dan dijaga oleh kaum wanita itu sendiri. 





Kenali Rasul

Akhlak Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam Pergaulan

Bergaul dengan baik bermaksud bersikap baik kepada orang lain yang terdiri dari keluarga, sahabat, jiran tetangga dan sesiapa sahaja. Sikap ini perlu ada pada diri seorang muslim. Orang yang memiliki sikap ini selalunya akan menjaga etika pergaulannya dengan menanamkan sifat-sifat sabar, lembut, murah hati, pemaaf, menjaga kehormatan diri, jujur, dipercayai, zuhud dan tawadhu'. Inilah sifat-sifat yang dimiliki Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan diajarkannya kepada para sahabat serta umat baginda.



Akhlak dan sifat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, adalah sangat terpuji dan tiada bandingannya. Meskipun kita kumpulkan seluruh budi pekerti mulia yang dimiliki oleh umat manusia di dunia ini tidak akan dapat menandingi dan mengatasi akhlak Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, kerana apa yang kita dapati pada diri baginda mempunyai nilai yang sangat tinggi melebihi apa yang ada pada semua orang di muka bumi ini.

Dalam hal ini, baginda telah menunjukkan uswah hasanah sebagai contoh ikutan terbaik kepada kita semua melalui sikap yang telah baginda tonjolkan dalam pergaulan ketika bersama dengan siapa pun jua, sama ada para sahabat, keluarga, jiran tetangga dan masyarakat seluruhnya.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Ahzaab ayat 21 :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ
لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Mafhumnya:

Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharap

(keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah.

Dalam pergaulan, baginda tidak memilih teman, namun tidak ingin bergaul dengan orang yang memiliki akhlak buruk. Baginda selalu meyenangkan hati orang lain, sangat hormat kepada orang yang lebih tua, mengasihi teman sebaya dan menyayangi yang lebih muda.

Baginda sentiasa menjauhkan diri dari tradisi-tradisi jahiliyah dan tidak pernah melakukan perbuatan tercela seperti menyembah berhala. Sebaliknya baginda sentiasa menjaga peribadi baginda dengan bersikap sopan, lemah lembut, sentiasa berbaik sangka, jujur dan amanah sehingga baginda terkenal dengan gelaran *al-Amin* iaitu orang yang dipercayai.

Akhlak mulia dalam pergaulan telah diajarkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* kepada seluruh umat manusia khususnya umat Islam, bersesuaian dengan ketentuan yang terdapat dalam al-Qur'an dan hadits. Setiap peraturan dalam Islam mengenai akhlak dalam pergaulan bertujuan supaya manusia sentiasa berfikir dan berusaha meletakkan diri mereka sebagai makhluk Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang terbaik lagi mulia. 



Mohammad Noor Suffian bin Haji Yahya
Pegawai Ugama,
Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait
Negara Brunei Darussalam

Fokus

Ikhtilath

Pada zaman sekarang, teknologi moden mengambil peranan penting dalam kehidupan manusia. Sesuai dengan peredaran masa yang semakin hari semakin canggih. Perkara ini turut mempengaruhi aktiviti seharian setiap individu baik lelaki mahupun wanita di tempat kerja, sekolah, universiti dan sebagainya. Apa yang kitani dapat lihat pada zaman ini, misalnya percampuran pergaulan lelaki dan wanita seolah-olah tidak dapat dielakkan, seperti urusan keperluan yang syar'ie serta berlakunya komunikasi dan pergaulan.

Dalam perkara ini Islam tetap saja menjaga dari sudut keterbatasan antara lelaki dan wanita yang bukan mahramnya, yang merupakan tuntutan ajaran dalam ugama Islam itu sendiri iaitu *ikhtilath*.

Menjaga adab dan etika dalam interaksi dengan lawan jenis adalah merupakan perkara penting yang mesti kita jaga dan perhatikannya sebagai kehidupan

seorang muslim dan muslimat. Konsep tersebut dikenali sebagai *ikhtilath*; menjaga batas dan adab pada saat berinteraksi dengan lawan jenis yang bukan mahram, yang selalu sahaja berlaku di kalangan umat Islam di era atau akhir zaman kini.

Sebelum mengulas lebih lanjut tentang *ikhtilath*, perlu difahami terlebih dahulu mengenai apa itu *ikhtilath*? Kenapa ianya

sangat penting dalam Islam? Dari sudut bahasa, *ikhtilath* berasal dari perkataan bahasa Arab, yang memberi pengertian campur aduk atau bercampur. Umumnya, dalam Islam, *ikhtilath* dilihat pada suatu keadaan lelaki dan wanita yang bukan mahram berada di dalam suatu tempat, berinteraksi dan bergaul secara langsung di tempat umum atau dalam konteks sosial.

Konsep *ikhtilath* ini menjadi salah satu subjek atau tajuk penting dalam pembahasan muamalat; interaksi sosial dan seringkali menimbulkan pelbagai pandangan dan tafsiran di kalangan umat Islam. Adalah penting untuk kita sama-sama memahami bahawa

tujuan utama dari ketentuan *ikhtilath* itu bukanlah untuk membatasi ruang gerak atau menyusahkan kehidupan, melainkan semata-mata untuk menjaga kemuliaan, kehormatan dan kesucian individu serta masyarakat secara keseluruhan, sekali gus untuk menghindar dan mencegah fitnah hasil interaksi bebas tanpa batasan, yang boleh sahaja berhujung kepada perbuatan dosa dan maksiat.

Walaupun tidak ada secara langsung sebutan perkataan *ikhtilath* sebagai dalil di dalam al-Qur'an tentang penjagaan keterbatasan itu, akan tetapi kita boleh mendapatinya dari inti pati tafsiran ayat al-Qur'an itu sendiri. Contohnya,

....Maka janganlah berkata-kata dengan suara lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing)....

firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di dalam surah al-Ahzaab, ayat 32:

يٰۤاَيُّهَا النَّبِيُّ لَسْتَ مِنْ كٰٓحِدٍ مِّنَ النِّسَآءِ
اِنَّ اَتَّقِيْتُمْ فَلَآ تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي
فِيْ قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوْفًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Wahai isteri-isteri Nabi! Kamu bukanlah seperti perempuan-perempuan yang lain jika kamu tetap bertaqwa. Maka janganlah kamu berkata-kata dengan suara lembut manja (semasa bercakap dengan laki-laki asing) kerana yang demikian menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya, dan berkatalah dengan kata-kata yang baik (lagi sopan).

Inti pati dari ayat tersebut adalah salah satu bentuk konsep *ikhtilath*, di dalam memberikan panduan etika dan adab berbicara khususnya bagi wanita muslimah, terutamanya berinteraksi dengan lelaki yang bukan mahram. Walaupun ayat ini ditujukan kepada isteri-isteri Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, namun para ulama bersepakat hukum dan pesanan yang terkandung dalam ayat tersebut bersifat umum dan ianya berlaku serta sesuai atau relevan bagi setiap zaman kehidupan dalam perkara sosial, lebih-lebih lagi di era moden kini. Ayat tersebut menekankan pentingnya menjaga perbicaraan atau

interaksi untuk wanita kepada lelaki dan sebaliknya, kerana Islam sangat mengambil berat dengan pencegahan perkara dosa dan maksiat, yang antara salah satu pintunya adalah dalam interaksi yang tidak terkawal.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ingin melindungi wanita dari godaan dan gangguan lelaki, maka dalam ayat tersebut sebagai langkah awal mengelak atau preventif (سَدُّ الدَّرَافِعِ) bagi tujuan menutup celah-celah atau fasa awal ke arah dosa dan maksiat. Kaum Adam turut terkandung dalam ayat ini sebagai ingatan dan garis batasan yang jelas, dalam menjaga interaksi secara verbal antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Bukanlah matlamatnya untuk mengekang semata-mata, tetapi lebih ke arah melindungi kehormatan, mencegah kemaksiatan serta memelihara kesucian individu serta masyarakat secara keseluruhannya.

Terdapat beberapa dalil yang boleh dijadikan sandaran dan rujukan dalam perkara *ikhtilath* ini antara lain dalam perkara berhijab dalam surah al-Ahzaab, ayat 59:

يٰۤاَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّلْزَوٰجِ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ
الْمُؤْمِنِيْنَ يٰۤدٰۤنِیْنَ عَلَیْھِنَّ مِنْ جَلْبَابٍ
ذٰلِكَ اَدْنٰۤیْ اَنْ یَّعْرِفْنَ فَلَآ یُؤْذِیْنَّ وَكَانَ اللّٰهُ
عَفُوْرًا رَّحِيْمًا ﴿٥٩﴾

Mafhumnya:

Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya memakai jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa keluar rumah). Yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali supaya mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

Manakala dalam surah an-Nuur, ayat 31:

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولَى الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Mafhumnya:

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua-dua telapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka. Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau adik-beradik mereka atau anak adik-beradik mereka yang lelaki, atau anak adik-beradik mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki atau pembantu-pembantu lelaki yang sudah tua yang tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki supaya diketahui orang perhiasan mereka yang tersembunyi. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman, mudah-mudahan kamu peroleh kemenangan.

Dapatan dari firman Allah Subhanahu wa Ta'ala tersebut menjelaskan akan perintah kepada wanita dalam menutup auratnya dan secara tidak

langsung mengatur dalam etika bersosial atau berinteraksi. Hijab atau jilbab adalah berfungsi sebagai penghalang penglihatan atau visual yang mengurangi daya tarik dan potensi fitnah, sehingga membantu menjaga batasan dalam perkara ikhtilat.

Imam Ahmad dalam kitab musnadnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ada bersabda yang bermaksud:

“Janganlah seorang lelaki berduaduaan dengan seorang wanita (yang bukan mahramnya), dan janganlah seorang wanita berpergian kecuali bersama mahramnya.”

Dalam hadits tersebut dapatlah diambil sebagai panduan tentang larangan berkhalwat dan hadits ini juga menunjukkan bahawa ajaran Islam itu sangat tidak menganjurkan dalam situasi terlalu rapat atau dekat dan privasi antara seorang lelaki dengan wanita, kerana ianya dapat membuka ruang dan peluang ke arah yang tidak diingini iaitu dosa dan maksiat.

Begitu indahny Islam dalam soal menjaga kehormatan khasnya kepada wanita dalam memelihara kehormatan dan kemuliaan wanita itu sendiri, sehingga dihormati bukan kerana daya tarikan fisiknya atau suara akan tetapi akhlak dan keperibadiannya.

Di dalam surah an-Nuur ayat 30 dan 31, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ
وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ
اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ
يَغْضِضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ
فُرُوجَهُنَّ... ﴿٣١﴾

Mafhumnya:

Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Yang demikian itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu perbuat. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandang perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram)...

Dalam ayat tersebut secara jelas menunjukkan pentingnya menjaga pandangan bagi kedua-duanya; lelaki dan wanita, sebagai langkah awal menghindari perbuatan dosa dan maksiat.

Begitu juga melalui penggunaan medium media sosial. Sedar atau tidak

medium komunikasi kitani pada hari ini lebih banyak dipengaruhi kepada penggunaan aplikasi media sosial berbanding dengan komunikasi secara bersemuka. Tahun-tahun pandemik atau wabak Corona Virus yang pernah dilalui dalam tahun 2020 yang lalu, antara lain sedikit sebanyak memberi impak kepada kita dalam merubah aktiviti dari sudut penggunaan teknologi maklumat; pembelajaran, mesyuarat dan perhubungan dengan pelbagai aplikasi seperti *Microsoft Teams*, *Google Meet*, *WhatsApp*, *Emel* dan sebagainya. Secara tidak langsung turut menunjukkan keperibadian diri sendiri dan sikap terhadap orang sekeliling; kawan, saudara-mara melalui percakapan dan penulisan dalam talian.

Kita tidak nafikan bahawa media sosial sebenarnya dapat dimanfaatkan bahkan sebagai amalan jariah berpanjangan jika digunakan sebaik-baiknya dengan menjaga prinsip *ikhtilath* seperti penyebaran ilmu dan da'wah dalam media sosial adalah sangat efektif; ilmu ugama, nasihat bahkan perkongsian pandangan Islam, ceramah dan sebagainya, tanpa perlu interaksi fizikal yang berlebihan. Interaksi lelaki dan wanita di dalam media sosial dari sudut pendidikan contohnya bertukar-tukar pandangan, perkembangan diri selagi mana interaksi tersebut bersifat rasmi atau formal dan relevan dengan tujuan. Bahkan sebenarnya melalui media sosial ini mempererat dan menjaga silaturrahim bagi yang mahram dan

untuk bukan mahram masih sahaja dibatasi dengan komunikasi terkawal.

Sikap berhati-hati dalam penggunaan media sosial hendaklah perlu ada, lebih-lebih lagi sebagai umat Islam semestinya menjaga adab dalam memberikan komen atau ulasan di alam maya dengan menggunakan bahasa yang sopan dan beradab, sekalipun dalam keadaan marah dan tidak menyentuh perasaan serta sensitiviti seseorang. Ini termasuklah dalam menjaga keterbatasan ketika memuatnaik gambar atau emoji tertentu; menutup aurat sempurna, beradab sopan, tidak keterlaluan serta sesuai untuk dilihat dan dikongsikan.



Dalam perkara ini, antara panduan sebagai usaha ke arah menjaga *ikhtilath* di alam nyata atau alam maya untuk diterapkan dalam kehidupan seharian adalah seperti;

- Menjaga jarak jika perlu bekerja bersama dan memastikan pekerjaan yang dilaksanakan di tempat yang terbuka atau umum.

- Menjaga pandangan mata serta menutup aurat sebaiknya; menutup bentuk tubuh badan.
- Mengelakkan bergurau manja.
- Mengelakkan ber “WhatsApp” atau telefon pada waktu malam, Jika terlalu perlu, hanya perkara penting sahaja.
- Menjauhkan diri daripada perkara-perkara syubhah yang mendekati zina, yang akan mendatangkan fitnah.
- Menyibukkan diri dengan kerja-kerja tarbiyah dan da’wah, agar tidak punya masa untuk melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam surah al-Israa’ ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu menghampiri zina; sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk.


Alhamdulillah, pada 9 November 2024 yang lalu, perkara konsep *ikhtilat* ini pernah disampaikan oleh Ustazah Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd Yusof, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da’wah Islamiah kepada para pelajar di Ma’had Islam Brunei, dengan tajuk “Bahaya *Ikhtilath*” Penerapan dan pendedahan awal dalam *ikhtilat* adalah satu isu yang kompleks dan perlu difahami dengan merujuk kepada dalil-dalil syar’ie. Tujuan dari keterbatasan *ikhtilath* itu adalah untuk membentuk individu dan masyarakat bermoral dan terlindung dari fitnah. Walaupun pelbagai pandangan mengenai penerapannya, namun interaksi antara lelaki dan wanita, tetap saja perlu dibatasi sebagai penjagaan. Ini adalah bertujuan untuk kemuliaan diri sendiri.

Semoga usaha dalam penyampaian ilmu dan maklumat tentang konsep *ikhtilath* ini akan sentiasa berterusan dalam sama-sama berusaha menjaga kemuliaan dan kehormatan dalam kehidupan serta mengharap keampunan dan rahmat dari Allah *Subhanahu wa Ta’ala* jua, *aamin* ya *rabba* ‘*alamiin*. 

AMAL RUHAIN BINTI ROSLI

Pemenang Kedua Kategori Cerpen bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulud Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

Cerpen



Islam Agamaku

“Dua puluh tahun lalu aku datang ke kota London, bumi yang asing bagiku semata-mata untuk menyambung pelajaranku di peringkat Sarjana Muda. Ketika itu aku begitu teruja dan sangat berbangga kerana akulah satu-satunya dalam keluargaku yang berpeluang menyambung pelajaran di negara eropah yang menjadi kebanggaan orang ketika itu.”

- LONDON -

Sayup-sayup ku dengar azan dilaungkan dari Masjid Finsbury berhampiran rumah sakit di Islington, Utara London. Sudah lama aku tidak mengamati dan menghayati bait-bait azan yang merupakan bait pertama yang diperdengarkan kepadaku semasa mula-mula melihat dunia ini.

Ma sya Allah... seribu ketenangan menyelinap ke seluruh tubuhku umpama aliran listrik yang menjalar perlahan memberikan seribu kekuatan dalaman. "Ya aku mesti bangun.. aku mesti kuat...aku mesti berubah dan aku mesti pertahankan Islam agamaku."

Dua puluh tahun lalu aku datang ke kota London, bumi yang asing bagiku semata-mata untuk menyambung pelajaranku di peringkat Sarjana Muda. Ketika itu aku begitu teruja dan sangat berbangga kerana akulah satu-satunya dalam keluargaku yang berpeluang menyambung pelajaran di negara eropah yang menjadi kebanggaan orang ketika itu.

Hakikatnya aku hanya datang dari keluarga miskin yang tidak pernah menjenguk negara luar apatah lagi

menjejakkan kaki ke negara-negara eropah. Sungguh aku mendapat kejutan budaya ketika itu. Di sana aku berkenalan dengan seorang wanita Inggeris bernama Jessica. Seorang wanita yang anggun, pintar, lincah dan banyak membantuku menyesuaikan diri di negara salju itu. Kami bukan sahaja belajar di tahun yang sama malah dalam fakulti yang sama iaitu Kejuruteraan Kimia. Lebih menarik lagi kami memiliki banyak persamaan dari segi minat dan kecenderungan. Meminati bidang pelajaran yang sama, mencintai keindahan semulajadi, suka mendengar muzik, mempunyai cita-cita yang tinggi dan berpendirian tegas. Kebersamaan inilah yang menjadikan aku dan Jessica semakin rapat dan akhirnya menjadi sepasang kekasih. Meskipun kami hangat bercinta tetapi kami berdua mampu

Kenapa pula Syakir yang perlu berpindah ke sana? Suara ibu sedikit tinggi dan raut wajahnya nampak kurang senang. Tampak kesedihan di wajahnya.

berjaya dengan cemerlang dan berhasil mendapatkan kelas pertama semasa konvokesyen. Lantaran tidak sanggup berpisah kami kemudiannya memutuskan untuk bernikah dan akan menyambung semula pembelajaran kami bersama-sama di peringkat Sarjana.

Beberapa minggu selepas majlis konvokesyen, aku pulang ke tanah air bersama Jessica dengan harapan ibu dan ayahku merestui perhubungan kami dan menerima Jessica sebagai bakal menantu mereka.

Alhamdulillah

Syakir ibu dan ayah
satu-satunya menerima
anak ibu dan Jessica dengan
ayah... tak tangan terbuka
kanlah Syakir dan majlis
sanggup pernikahan
tinggalkan ibu kami segera
dan ayah di diadakan bagi
sini? mengelakkan

fitnah dan
diraikan dalam
majlis yang serba sederhana. Jessica memilih nama Islamnya sebagai Nur Jannah Sofea yang bermaksud Cahaya Syurga Yang Suci. Sesuai sekali dengan yang empunya diri sebagai seorang saudara baharu yang suci bersih dari dosa seperti anak yang baru dilahirkan.

Selepas seminggu majlis pernikahan, kami merancang untuk segera berangkat balik ke kota London bagi menyambung pembelajaran kami di peringkat Sarjana. Aku beruntung kerana ibu bapa Jannah membiayai seratus peratus pembelajaranku dengan syarat aku harus tinggal dan menetap di sana. Aku tanpa banyak berfikir terus bersetuju dengan apa yang diusulkan kepadaku kerana bagiku ianya peluang besar yang tidak boleh aku lepaskan begitu saja. Apalah salahnya aku berkorban untuk isteriku jika dia sanggup berkorban berkahwin denganku dan meninggalkan agama lamanya. Dalam hal ini ayah dan ibu kurang bersetuju dengan keputusanku untuk bermastautin di sana. Aku masih ingat bagaimana reaksi ibu dan ayah ketika aku mengkhabarkan kepada mereka bahawa aku akan berhijrah dan bermastautin di negara isteriku.

“Kenapa pula Syakir yang perlu berpindah ke sana?” suara ibu sedikit tinggi dan raut wajahnya nampak kurang senang. Tampak kesedihan di wajahnya.

“Ibu... Jannah sudah berkorban meninggalkan agama asalnya dan memeluk agama Islam kerana Syakir... takkan Syakir tak boleh berkorban sedikit untuk dia... lagipun

Syakir menyambung Master ni atas biaya *daddy* dan *mummy* Jannah... mereka dah banyak berkorban untuk Syakir..." terangku kepada ibu dengan harapan ibu memahami kenapa aku perlu berbuat demikian.

Ayah pula hanya berdiam diri sambil matanya hanya tertumpu pada lembaran surat khabar yang sedang dibacanya. Aku yakin fikiran ayah sebenarnya mengarah kepada perbualan kami kerana pandangan ayah tidak berganjak dari lembaran surat khabar yang sama sedari tadi.

" Syakir satu-satunya anak ibu dan ayah... takkanlah Syakir sanggup tinggalkan ibu dan ayah di sini?" suara ibu merayu agar aku berfikir dua kali sebelum membulatkan keputusanku meninggalkan mereka berdua.

" Jannah tu saudara baharu kita yang perlukan bimbingan dari kita semua. Ibu takut Syakir tak mampu membimbingnya...." Suara ibu terhenti seketika sebelum menyambung percakapannya dengan nada separuh berbisik, "Ibu takut Syakir pula yang terikut-ikut budaya dan

kehidupan mereka di sana dan yang paling ibu khawatirkan ialah aqidah Syakir dan anak-anak Syakir nanti..."

"Ibu tak perlu bimbang... Syakir akan bimbing Jannah mendalami Islam dan akan pastikan aqidah keluarga Syakir terpelihara..." aku segera memotong percakapan ibu bagi meyakinkan dia bahawa aku mampu melaksanakan tanggungjawabku sebagai seorang ketua keluarga.

" Kamu yakin boleh membimbing Jannah menjadi muslimah sejati?" Tiba-tiba ayah bersuara setelah lama berdiam diri sambil



membetulkan bingkai kacamatanya yang terturun ke paras hidung. Bulat mata ayah memandang aku. Aku hanya membatukan diri kerana sememangnya aku tidak berani menyangkal percakapan ayah. Ku akui aku memang lebih takutkan ayah berbanding ibu.

“Ayah lihat kamu pun sekarang dah lain... sembahyang pun ayah lihat sekali sekala...ayah khuatir kamu tak mampu menjadi pembimbingnya.” Terang ayah lagi memuntahkan kekhuatirannya.

Ku akui sejak aku belajar di sana aku sudah mula cuai akan tanggungjawab besarku terhadap sembahyang fardhu lima waktu. Aku hanya akan sembahyang sempurna lima waktu

ketika aku menghadapi peperiksaan dan selebihnya aku bersembahyang ikut rasa hati dan kelapangan waktu yang tersisa.

“Kamu tahu tak berdosa jika tidak memberikannya bimbingan yang sempurna padahal kamu yang mengajaknya memeluk agama Islam? Kamu tahu tak seorang suami akan dipertanggungjawabkan di atas dosa isteri dan anaknya kerana suami itu ketua keluarga?” Bertubi-tubi soalan ayah lemparkan kepadaku. Aku terus mendiamkan diri dan hanya mendengar apa yang dikatakan oleh ayah.

“Kalau Jannah di sini bolehlah kamu hantar dia ke Pusat Da’wah Islamiah untuk dibimbing dan diajar secara teratur dan dipantau sehingga menjadi muslimah sejati... kalau di sana...kamu nak hantar dia ke mana? Kalau anak-anak kamu pula nanti di mana mereka hendak belajar



agama seperti sekolah agama di sini? Kamu tak terfikirakah Syakir yang risiko akan kamu hadapi nanti? Kalau kamu mampu memberikan pendidikan agama kepada isteri dan anak-anak kamu ayah tak akan halang... tapi dari apa yang ayah lihat ni memang ayah ragu dengan kemampuan kamu Syakir."

Ayah memang seorang yang menitikberatkan pendidikan agama. Aku masih ingat lagi bagaimana ayah mendisiplinkan aku untuk bangun setiap awal pagi untuk sembahyang berjemaah subuh dengannya dan sanggup menghantar aku ke masjid setiap pagi Jumaat untuk belajar mengaji sehinggalah aku khatam di usia yang masih kecil.

Ayah akan pastikan aku tidak ponteng sembahyang dan berpuasa penuh di bulan Ramadan. Bahkan ayah sanggup merotan aku hanya kerana aku melambat-lambatkan sembahyang. Sebenarnya ayah sangat berharap aku menjadi seorang *al-Hafiz* atau sekurang-kurangnya seorang ustaz kerana dia

mengimpikan aku mengimamkan jenazahnya nanti, mendoakannya dan dapat memberikan syafa'at kepada sepuluh orang keluarganya di akhirat nanti. Itu yang selalu dikatakannya padaku sedari kecil. Meskipun cuma bergelar seorang pemandu teksi, ayah tidak pernah cuai dalam memastikan aku mendapat pendidikan agama dengan sempurna meskipun kecenderonganku lebih terserlah dalam bidang sains. Aku juga tidak tahu kenapa aku sentiasa cemerlang dalam bidang sains terutama Ilmu Kimia. Tapi itulah hakikatnya kelebihan yang ada padaku sememangnya di bidang sains bukan di bidang agama seperti yang ayah harap-harapkan.

Mereka tidak mengenali Hari Raya tetapi lebih mengenal hari Natal. Mereka tidak mengetahui sejarah-sejarah Islam dan perjuangan Rasulullah tetapi lebih memahami sejarah empayar Rom dan kebangkitan negara Eropah...

Apa pun nasihat dan pandangan kedua ibu dan ayahku tidak memberikan sedikit pun rasa bersalahku untuk meneruskan niatku berhijrah ke London. Aku dan Jannah tetap kembali ke London untuk menyambung pelajaran kami di peringkat Sarjana sekali gus bermastautin di sana.

Hidup kami dilimpahi dengan kebahagiaan dan selepas setahun kami dikurniakan cahaya mata seorang puteri. Kami menamakan puteri sulung kami dengan nama Janet Shakira. Janet nama yang dipilih oleh *mummy* dan *daddy* Jannah, manakala Shakira adalah pilihanku. Untuk berlaku adil kami gabungkan dua nama ini sebagai tanda toleransi dua budaya. Ketika ku khabarkan kepada kedua orang tua ku nama cucu pertama mereka sudah setentunya mereka kurang senang dengan pemilihan nama Janet. Namun akhirnya mereka akur dengan keputusanku yang ingin menjaga hati kedua orang mertuaku.

Ketika berhempas pulas menyelesaikan pembelajaran di peringkat Sarjana pula kami terus dilimpahi dengan rezeki tiga orang

cahaya mata kembar lelaki. Kami menamakan mereka dengan nama David Shazwie, Joseph Shawn dan Michael Sheriff. Ketika inilah kami memerlukan khidmat pertolongan dari *daddy* dan *mummy* Jannah untuk menjaga anak-anak kami yang masih kecil ketika kami berdua menghadiri kelas. Perkara ini berterusan sehinggalah kami mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu PhD. Anak-anak membesar dengan cara didikan nenek mereka yang bukan beragama Islam dan sudah setentunya anak-anak lebih cenderung dengan cara hidup dan budaya di sana. Aku pula sememangnya tidak berpeluang untuk mengajarkan mereka asas-asas agama Islam apatah lagi pendidikan Islam yang sempurna seperti yang sepatutnya seorang ayah lakukan



terhadap anak-anaknya. Dek kerana kesibukan kami menyelesaikan kuliah dan tesis di peringkat PhD, kami terus menyerahkan tugas mendidik anak-anak di bahu kedua nenek mereka.

Alhasil anak-anak tidak memahami bahasa dan adat budaya Melayu apatah lagi mengenal Islam.

Mereka hebat dalam akademik tetapi tidak tahu membaca al-Qur'an. Mereka tidak mengenal erti Hari Raya tetapi lebih mengenal hari Krismas. Mereka tidak mengetahui sejarah-sejarah Islam dan perjuangan Rasulullah tetapi lebih memahami sejarah empayar Rom dan kebangkitan negara Eropah dan mampu menjelaskan dengan terperinci siapakah Shakespear, Albert Einstein, Robin Hood, Adolf Hitler, Christopher Columbus, Vasco da Gama dan banyak lagi nama-nama yang aku sendiri kurang mengenalinya.

Betapa anak-anak sangat terpengaruh dengan kehidupan di sana dan sudah setentunya akulah

yang sepatutnya dipersalahkan kerana tidak dapat membimbing mereka lantaran kesibukanku dengan pembelajaranku dan juga keberadaanku yang jauh dari tanah airku. Ya, tanah airku Brunei Darussalam yang sangat menitik beratkan pendidikan Islam. Betul kata ayah bukan mudah untuk aku membimbing mereka dengan

kekangan waktu dan berada jauh di negara yang asing, ditambah dengan kesulitan mendapatkan sekolah-sekolah yang mengajarkan pendidikan Islam. Tidak seperti di negaraku Brunei Darussalam yang menguatkuasakan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang mewajibkan setiap ibubapa dan penjaga kanak-kanak Islam untuk menghantar mereka bersekolah ugama selewat umur 7 tahun. Sudah setentunya kewajipan dan tanggungjawab seorang ayah seperti aku dapat direalisasikan dengan adanya sokongan kerajaan yang menekankan Pendidikan Islam melalui akta ini. Patutlah ayah tidak suka aku bermastautin di sini.

*Allah...
apa yang aku
lakukan selama
ini?...aku berdosa
terhadap kedua orang
tuaku... ampunkan
aku ya Allah!" Aku
bermonolog sendiri
dalam kesakitan. Aku
seakan-akan tersedar
dari lena yang
panjang.*

Setelah lulus dengan cemerlang di peringkat PhD aku mendapat tawaran bekerja di salah sebuah universiti di Finsbury sebagai pensyarah, jawatan yang sememangnya aku impikan sedari dulu. Manakala Jannah meneruskan perniagaan keluarganya dalam bidang pembinaan bangunan dan hartanah. *Alhamdulillah* rezeki kami semakin luas meskipun waktu kami berdua lebih banyak di tempat kerja berbanding di rumah kerana anak-anak diurus dan dijaga sepenuhnya oleh nenek mereka.

Ibu dan ayah di kampung pula hanya mendengar khabar dari jauh dan sekali sekala ku hubungi melalui telefon sekadar bertanya khabar. Aku lupa yang kedua orang tuaku semakin tua dan memerlukan aku di sisi mereka. Sakit pening mereka Mak Su iaitu adik kepada ayah yang mengambil alih tanggungjawab memelihara kemaslahatan mereka berdua. Nasib baik Mak Su masih belum berkahwin dan tinggal bersebelahan

dengan rumah orang tuaku. Duit perbelanjaan untuk mereka berdua aku kirimkan melalui Mak Su. Itu pun tidak setiap bulan. Terkadang tiga bulan sekali dan yang pasti bila Mak Su 'membising' barulah aku ingat untuk mengirimkannya. Kesibukanku dengan tugasanku sebagai pensyarah membuatkan aku tidak dapat memberikan perhatian kepada mereka jauh sekali melayan dengan menghabiskan waktu bersama mereka. Sejak aku berkahwin belum ada satu kali pun aku pulang menjenguk mereka berdua. Ibu dan ayah pula seakan merajuk dan tidak pernah meminta aku pulang. Mungkin mereka terasa hati agaknya.

*Aku lupa
yang kedua
orang tuaku
semakin tua...*

“Allah... apa yang aku lakukan selama ini?...Aku berdosa terhadap kedua orang tuaku...Ampunkan aku ya Allah!” Aku bermonolog sendiri dalam kesakitan. Aku seakan-akan tersedar dari lena yang panjang. Dalam kesakitan yang amat ini dan keterbatasan pergerakanku aku terus mengimbas kembali memori lalu dan kesilapanku selama ini. Bagaimana aku boleh terlantar di sini?

Apa yang aku ingat ialah ketika anak sulungku Janet memaklumkan bahawa dia ingin berkahwin dengan kekasih hatinya seorang jejaka Inggeris yang tidak beragama Islam,

aku bertegas tidak membenarkannya kecuali jejaka tersebut menganut agama Islam terlebih dahulu. Janet berkeras mahu berkahwin dengan kekasih hatinya itu biar pun jejaka berkenaan tidak akan menukar agamanya, jauh sekali memeluk Islam. Kedua-dua mertuaku malah isteriku tetap menyokong dan memihak kepada anakku serta mengatakan agama seseorang tidak menjadi penghalang bagi mewujudkan sebuah perkahwinan yang harmoni. Bagi mereka agama adalah sekadar pegangan. Perkahwinan berbeza agama boleh dilakukan dan didaftarkan

*Ya, ku akui aku
lalai dan hanya
mengajarkannya
perkara-perkara asas
tentang Islam dan
selebihnya aku sibuk
dengan kuliahku dan
pekerjaanku sebagai
seorang pensyarah.*

secara sivil. Malah isteriku Jannah mengungkit-ngungkit bagaimana ia berpindah agama dari Kristian kepada Islam tetapi hakikatnya dia tidak mempraktikkan ajaran Islam. Masih terngiang-ngiang di telingaku kata-kata Jannah yang menyedarkan aku akan kesilapanku selama ini.

in the Quran mentioned that there is 'no compulsion in religion'....so what is the problem being married with different faith and religion?" Jannah terus berhujjah membidas segala kata-kataku dengan harapan aku bersetuju dan membenarkan Janet berkahwin dengan lelaki pilihannya yang tidak beragama Islam.

" Oh dear..didn't you remember I was the one who embraced Islam but then I still practice my lifestyle as before?.. Don't you feel that it's not necessary to leave your religion to marry someone?" Soal Jannah berbaur sindiran sekali gus mengingatkan aku bahawa aku hanya membawa dia untuk menganut Islam tetapi tidak membimbingnya.

Ya, ku akui aku lalai dan hanya mengajarkannya perkara-perkara asas tentang Islam dan selebihnya aku sibuk dengan kuliahku dan pekerjaanku sebagai seorang pensyarah.

"You know dear.. I had to learn about Islam by myself and I figured out this

Meski pun aku bukanlah seorang muslim yang baik tapi aku masih waras untuk memperjudikan aqidah zuriat keturunanku. Dni soal aqidah yang tidak boleh dibuat main. Aku berkeras dan berlaku pertengkaran....

" No, I won't let them do this... Janet is a muslim... she will never be married to a non-muslim guy... full stop!" Aku bertegas mengatakan aku tidak sama sekali akan bertolak ansur dalam hal perkahwinan berlainan agama ini. Aku sama sekali tidak akan membenarkan dan merestuinnya.

Aku akui segalanya berpunca dari aku. Aku membiarkan Jannah mempelajari Islam bukan melalui bimbinganku atau melalui kelas-kelas ugama. Sebaliknya melalui saluran-saluran yang diperolehinya dari internet yang pengawalannya tidak terbatas. Pemahamannya yang kurang tepat terhadap salah satu potongan ayat al-Qur'an iaitu ayat 256 dalam surah al-Baqarah yang

menyatakan 'tidak ada paksaan dalam ugama' menjadikan dia memilih untuk berfikir liberal. Dia memahaminya secara terjemahan perkataan yang zahir sahaja. Sepatutnya aku membimbingnya untuk memahami dan menghuraikan tafsiran ayat tersebut tapi sebaliknya aku sendiri kurang arif mengenainya. Aku tidak mampu berhujjah dan membetulkannya.

Menyedari kekurangan dan kejahilan ini, aku berusaha memahami tafsiran ayat tersebut dan mencari kitab-kitab tafsir yang mu'tabar yang ku pinjam dari seorang pensyarah berbangsa Arab yang mengajarkan Ilmu Tafsir dan Hadits di universiti tempat aku mengajar. Beliau tanpa dipinta turut menerangkan kepadaku bahawa memang

benar Islam menekankan prinsip dalam beragama tidak boleh ada paksaan. Ini kerana agama adalah soal keyakinan yang letaknya di dalam hati dan tidak boleh dipaksa-paksa. Walau bagaimanapun ayat tersebut bukan dalil untuk kebebasan beragama. Ayat tersebut tidak

menunjukkan bahawa seseorang diperbolehkan memilih mana-mana agama yang dikehendakinya. Bagi seorang muslim dia tidak boleh memilih untuk menganut agama lain selain Islam dan tidak boleh berkahwin dengan orang yang bukan Islam. Allah berfirman dalam surah Aali 'Imraan, ayat 85 yang mafhumnya: " Dan sesiapa mencari agama selain Islam,

maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi."

Meskipun aku bukanlah seorang muslim yang baik tapi aku masih waras untuk memperjudikan aqidah zuriat keturunanku. Ini

soal aqidah yang tidak boleh dibuat main. Aku berkeras dan berlaku pertengkaran demi pertengkaran yang menyebabkan aku diserang serangan jantung secara tiba-tiba.

Ku rasa duniaku kelam dan seluruh anggota badanku tidak bermaya ketika itu. Pandanganku hilang dan dadaku seperti dicengkam

Aku mula mencari-cari jalan arahku dan aku hanya nampak sedikit cahaya yang menyelinap di celah tembok jalan yang ku lalui. Aku sangat ketakutan kerana tempat ini terlalu asing bagiku namun ku gagahi berjalan sehingga aku sampai ke sebuah jambatan yang usang.

kuat sehingga menyukarkan aku bernafas. Pada mulanya aku masih saja mendengar suara-suara teriakan dan tangisan anak-anak dan isteriku tetapi dalam masa yang sama aku tidak mampu membuka matak. Kemudian perlahan-lahan aku tidak lagi mendengar apa-apa bahkan aku seperti berada di alam lain. Ya, alam yang seakan mimpi tetapi sungguh realiti.

Aku mula mencari-cari jalan arahku dan aku hanya nampak sedikit cahaya yang menyelip di celah-celah tembok jalan yang ku lalui. Aku ketakutan yang amat sangat kerana tempat ini terlalu asing bagiku

namun ku gagahi berjalan perlahan-lahan sehingga aku sampai ke sebuah jambatan yang usang. Di bawahnya ada sebatang sungai di mana airnya mengalir dengan deras dan bewarna kehitaman serta baunya yang sangat busuk dan meloyakan. Sementara di seberang jambatan berkenaan kelihatan ada sebuah taman yang terang benderang dan sayup-sayup kedengaran laungan *takbir*, *tahmid* dan *tasbih* datang dari arah sekumpulan manusia yang berada di situ.

Aku cuba melalui jambatan usang itu supaya aku dapat segera melewati kawasan yang sangat memualkan itu.



ketika aku cuba melewati jambatan tersebut beberapa keping papannya yang sudah rapuh tadi jatuh ke dalam sungai menyebabkan aku sendiri hampir turut terjatuh.

Aku tidak tahan dengan baunya yang lebih busuk dari bau bangkai dan tidak pernah ku hidu sebelum ini. Aku ingin segera berada di kawasan taman yang terang benderang tadi berhimpun bersama kumpulan manusia yang sedang melaungkan puji-pujian terhadap Allah Tuhan semesta alam. Bagaimana pun ketika aku cuba melewati jambatan tersebut beberapa keping papannya yang sudah reput tadi jatuh ke dalam sungai menyebabkan aku sendiri hampir turut terjatuh. Ketika itulah aku nampak sekumpulan

manusia sedang berenang-renang di dalamnya dengan keadaan yang terseksa seolah-olah diazab dengan azab yang dahsyat.

Dalam keadaan tergamam aku mendapati kedua orang mertuaku berada dalam sungai tersebut sementara Jannah isteriku dan keempat-empat anakku tergantung-gantung di jambatan yang usang itu meminta pertolonganku untuk menyelamatkan mereka naik ke atas jambatan. Aku cuba mendapatkan mereka tetapi perjalananku di


Pada mulanya aku masih saja mendengar suara-suara teriakan dan tangisan anak-anak dan isteriku tetapi dalam masa yang sama aku tidak mampu membuka mataku. Kemudian perlahan-lahan aku tidak lagi mendengar apa-apa bahkan aku seperti berada di alam lain.



atas jambatan tersebut ku rasakan sungguh perlahan dan terlalu sukar kerana keadaan jambatan yang tidak selamat untuk dilewati. Dalam tangisan ketakutan isteri dan anak-anakku terus memanggil-manggil namaku sambil meraung meminta pertolonganku, tapi aku tidak mampu segera menolong mereka kerana aku sendiri tidak mudah untuk melewati jambatan berkenaan.

Dalam keadaan tegang dan kekalutan yang amat sangat itu aku berdoa kepada Allah memohon diberi kemudahan dan keselamatan untuk isteri dan anak-anakku. Aku menangis merayu kepada Allah agar aku diberi kesempatan memperbaiki

segala kekhilafanku dalam menanai tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadaku terhadap isteri dan anak-anakku. Aku tidak ingat berapa ratus kali doa itu ku ulang-ulang dan berapa ribu zikir *istighfar* ku laungkan. Sekian lama dan akhirnya aku berjaya menggapai tangan keempat-empat anakku dan menarik mereka ke atas jambatan. Malangnya belum sempat aku mencapai tangan Jannah, dia terlebih dahulu jatuh ke dalam sungai itu mengikuti ayah dan ibunya yang memanggil-manggil namanya dari bawah. Aku menangis semahuku seperti orang yang histeria dan terus menjerit-jerit memanggil namanya.



*Dua saluran
jantungku
tersumbat teruk dan
terpaksa menjalani
pembedahan segera
ketika itu juga.*

Ketika itulah aku tersedar dari komaku yang dikatakan hampir dua minggu aku tidak sedarkan diri setelah selesai menjalani pembedahan jantung. Keempat-empat anakku menceritakan bahawa aku terpaksa menjalani pembedahan kerana ada dua saluran jantungku tersumbat teruk dan terpaksa menjalani pembedahan segera ketika itu juga.

Dalam keadaan yang masih mamai aku mencari-cari isteriku Jannah kerana aku tidak melihat kelibatnya malah kelibat kedua-dua mertuaku juga tidak kelihatan ketika aku sedar. Rupa-rupanya Jannah dan

kedua-dua orang mertuaku terlibat dalam kemalangan jalan raya yang meragut nyawa mereka bertiga ketika berulang-alik ke rumah sakit menjaga aku yang belum sedarkan diri ketika itu. Aku sangat terkejut dan tergamam mendengar berita yang ku terima ketika aku baru sahaja sedar dari koma yang panjang. Mereka bertiga telah meninggal dunia seminggu yang lalu.

Apa yang kulihat dan kualami ketika aku berada dalam koma seakan-akan simbolik di atas apa yang aku lakukan dan apa yang terjadi ketika itu. Umpama mimpi tapi realiti.

Aku tersedar dari komaku yang dikatakan hampir dua minggu aku tidak sedarkan diri selepas menjalani pembedahan jantung.

Allah kembalikan kesedaranku dari koma sebagai menjawab permintaanku yang memohon untuk diberi kesempatan dan peluang memperbetulkan segala kekhilafanku. Aku menangis sepuas-puasnya kerana Allah menjawab permohonanku. Ya, aku akan perbetulkan segalanya.

Dalam kesakitan dan keterbatasanku ini, aku berjanji akan membimbing semula anak-anakku dengan ajaran Islam dan penghayatannya. Akan ku perbetulkan semula aqidah dan kepercayaan mereka. Akan ku bajai semula hati mereka dengan benih-benih keimanan agar mereka bisa menjadi muslim dan muslimah sejati. Banyak perkara yang akan ku selesaikan selepas aku sihat dan keluar dari rumah sakit ini. Dengan keazaman yang kuat demi

mempertahankan agamaku dan anak-anakku, aku akan meninggalkan bumi yang banyak menyimpan kenanganku bersama arwah isteriku Jannah. Ya, aku akan kembali ke negara asalku bersama anak-anakku demi tanggungjawabku yang tidak terlaksana selama ini.

Akan ku galas semula tanggungjawabku terhadap kedua orang tuaku yang semakin uzur dan memerlukan aku di saat ini. Kami akan memulakan hidup baru bersama ayah dan ibuku yang pasti merindui kami. Aku tahu ayah dan ibu sentiasa mendoakan yang terbaik buatku dan cucu-cucunya dan sudah pasti gembira dengan keputusanku ini. Aku akan tinggalkan segala harta, jawatan dan pekerjaanku di sini semata-mata kerana Allah. Akan ku pelihara Islam agamaku selamanya.

- Tamat -

Aku berjanji akan membimbing semula anak-anakku dengan ajaran Islam dan memulakan hidup baru bersama ayah dan ibuku...

SOSON JAN BINTI AYUN KHAN
Pemenang Kedua Kategori Sajak bagi
Peraduan Penulisan Seni Kreatif dan Non
Kreatif Berunsur Islam Sempena Sambutan
Maulid Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
1446H/2024M

PUISI




Meneladani Rasulullah Dalam Memelihara Kesucian Islam

Telah diutus seorang Rasulullah
Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*
pembawa cahaya dari langit Allah
di tengah kegelapan kaumnya
menyeru umat Tauhid kepada Allah Yang Maha Esa.

“Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia,” begitu sabda Baginda, pemimpin umat seluruh dunia. Dengan akhlaknya yang luhur keteguhan perkerti serta penuh kesabaran di jiwa melalui jalan berdakwah Baginda memelihara agama Islam.

Ketika perjuangan itu bermula bukan sedikit dugaan yang harus diterima bahkan Baginda dicela, dicemuh diugut untuk dibunuh namun Baginda teguh sabar, tenang dan hanya berdoa kepada Yang Maha Esa, “Ya Allah, ampunilah kaumku, kerana mereka tidak tahu,” begitulah Rasulullah menjaga Islam dengan ilmu hidayah Allah.






Di pasar, masjid, hingga medan jihad, Baginda
terus melangkah bersama keyakinan pada Allah
demi menegakkan syariat Islam
buat seluruh umatnya.

Pernah pada zamannya
ketika seseorang tanpa ilmu telah bertanya ,
Baginda telah menjawab dengan penuh hikmah
dan kata-kata yang bijak lembut
maka segala hati yang keras
segera menjadi terpaut
akan keindahan budi bahasanya.

Pernah
di kala Fatimah meminta khadim untuk
meringankan beban,
Baginda Rasulullah mengajarkan sabar dan
tawakkal dengan,
"Subhanallah, Alhamdulillah, Allahu Akbar,
sebagai dzikir yang lebih utama.



Dalam menjaga sunnah yang lurus,
Rasulullah bersabda penuh tulus:
“Berpeganglah pada sunnahku dan sunnah Khulafa
ar-Rasyidin setelahku,
Gigitlah dengan gigi geraham kalian, janganlah kau
lepaskan itu.”

Dalam perjuangan menjaga akidah kaumnya,
tidak ada yang lebih Baginda benci selain daripada
syirik!
“Barang siapa mati dalam keadaan menyekutukan Allah,
Nescaya Allah haramkan baginya syurga,” sabda
Baginda penuh nasihat.

Di saat Islam mulai digenggam dunia,
Rasulullah tetap mengajarkan kesederhanaan dalam
kehidupan
memakan kurma dan air dalam penuh kesyukuran,
adalah bertujuan menjaga umat dari ketamakan dan
kebinasaan.



Dalam setiap langkahnya
kesucian agama yang selalu dijaga
bukan dengan paksaan atau kekerasan
melainkan hikmah dan kelembutan sebagai landasan.

Pada suatu kejadian
pernah seorang yahudi berkata kasar, menuntut piutang
dengan cara yang cela
namun Rasulullah tersenyum tanpa gusar
melunasi hutangnya dengan hati yang lapang dan penuh
hemah mulia.

Sabda Baginda, memberi peringatan
“Sesungguhnya Allah menyukai kelembutan dalam
segala urusan.”
Bahwa menjaga agama ini bukan dengan
kezaliman, tetapi dengan cinta, sabar, dan penuh
kesantunan.



Ketika fitnah merajalela,
Rasulullah bersabda agar berpegang pada ilmu yang nyata.
Rasulullah tidak hanya mendidik dengan kata,
tetapi juga dengan teladan dalam perilaku nyata.
Sedangkan dalam peperangan pun Baginda menjaga peraturan
tidak membunuh anak-anak, wanita, atau para rahib di peribadatan.

Dengan sunnahnya, Baginda wariskan penjagaan,
agar agama Islam tetap dalam keindahan
menjaga kebersihan hati dan amalan
agar seluruh umat selalu berjalan dalam keimanan.

mari kita menjaga warisan yang kudus
memelihara agama ini
sebagaimana Rasulullah telah tunjukkan jalan yang lurus
mengikuti sunnahnya, menegakkan syariat-Nya,
dengan cinta, sabar, dan penuh amanah
karena Rasulullah telah berkorban segalanya,
demi kesucian Islam terjaga selamanya.

Semoga kita menjadi umat yang menjaga amanah,
sebagaimana beliau menjaga Islam tanpa lelah.
Ya Allah, limpahkan shalawat dan salam,
kepada Nabi kami yang menjaga agama-Mu dengan penuh
kehormatan.

Batas Pergaulan Dalam Islam

- **Menjaga Pergaulan dalam Keperluan:** Pergaulan antara laki-laki dan perempuan hanya dibenarkan jika ada keperluan yang mendesak, seperti belajar atau bekerja bersama.
- **Menjaga Pergaulan di Tempat Umum:** Jika bergaul di tempat umum, hindari berhimpun atau berinteraksi secara berlebihan.
- **Menjaga Pergaulan di Dunia Maya:** Pergaulan di dunia maya juga perlu dibatasi, hindari percakapan yang tidak sepatutnya, atau berinteraksi secara berlebihan.
- **Menjaga Pergaulan dengan Orang Shalih:** Bergaul dengan orang-orang shalih dapat memperkuat iman dan memberikan motivasi untuk menjalankan ibadah.
- **Menjauhi Perbuatan Tercela:** Menjauhi perbuatan yang tidak baik, seperti menghina, mengumpat, atau iri hati.
- **Berperilaku Baik:** Berperilaku baik dan sopan dalam pergaulan, baik dengan teman, keluarga, maupun orang lain.



Penjagaan Ikhtilath

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk."

(Terjemahan makna ayat 32 Surah al-Israa')